




● BIL 281 ● 27 SEPT - 3 OKT 2024 ● PP19441/12/2018 (035014)

WILAYAHKU

www.wilayahku.com.my



BANTERAS HABIS-HABISAN

>> 2-3

Seniman Jalan
Masjid India
>> 8

Fenomena
pedofil
>> 9-11

Laungan keramat
jadi saksi
>> 12 - 13

Sokong usaha kerajaan, polis jalan siasatan

USAHA kerajaan dan pihak berkuasa keselamatan serta agama membanteras gejala di luar kerangka undang-undang perlu disokong semua pihak.

Demikian perkara utama ditekankan Presiden Badan Peguam Syarie Wilayah-Wilayah Persekutuan, **Datuk Zainul Rijal Abu Bakar** merujuk kepada kes melibatkan isu Global Ikhwan Services and Business Holding (GISBH).

Sehingga kini, lebih 100 individu yang dikaitkan dengan pertubuhan itu sudah ditahan manakala 572 mereka sebenarnya pekerja yang berbayar atau ‘diperhambakan’ tanpa sebarang



ZAINUL RIJAL

Siasatan Polis Diraja Malaysia (PDRM) mendapati ahli GISBH masih mengamalkan Tarekat Aurad Muhammadiyah iaitu amalan ahli kumpulan Al-Arqam yang disahkan menyelweng daripada ajaran Islam sebenar pada 1994.

Untuk itu Zainul Rijal berpandangan, PDRM dan pihak bertanggungjawab yang lain perlu diberi ruang dan peluang untuk mengadakan siasatan yang bebas.

Mengulas dari aspek eksploitasi melibatkan kaktangan GISBH, katanya, perlu dipastikan sama ada mereka sebenarnya pekerja yang berbayar atau ‘diperhambakan’ tanpa sebarang

bayaran termasuk kanak-kanak.

“Sekiranya mereka dieksplotasi tanpa sebarang imbuhan, memang wajar eksplotasi itu dihentikan dan tindakan lanjut dari sudut undang-undang perlu diambil,” katanya kepada Wilayahku.

Beliau menambah, jika mereka adalah pekerja yang dibayar gaji, ia perlu dirujuk kepada Mahkamah Perusahaan kerana kegagalan membayar gaji.

“Membuat sesuatu di luar kerangka undang-undang adalah salah dan majikan patut menanggung risikonya,” katanya.

Baru-baru ini, Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain menafikan dakwaan bahawa ada pihak dalam PDRM cuba melindungi kegiatan GISBH seperti yang

ditularkan di media sosial.

“Dakwaan itu tidak berasas sama sekali dan berniat jahat,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai mesej yang tular mendakwa terdapat hubungan rapat antara seorang bekas pegawai kanan PDRM dengan kepimpinan GISBH.

Malah beliau menafikan dakwaan bahawa siasatan terhadap GISBH dijalankan secara keterlaluuan.

Beliau berkata sebaliknya kes terhadap syarikat itu dijalankan secara teliti serta mematuhi undang-undang.

Razarudin turut menyelar pihak yang mendakwa siasatan yang dilakukan itu berbaur politik.

Tindakan cemar Islam

BUKAN ISU POLITIK SEPERTI DIDAKWA

METRA SYAHRIL MOHAMED

SIASATAN dijalankan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan pihak berkuasa agama melibatkan Global Ikhwan Services and Business Holdings (GISBH) bukannya isu politik mahupun tindakan untuk menghancurkan ekonomi Islam seperti didakwa sesetengah pihak.

Sebaliknya tegas Presiden Persatuan Peguam Syarie Malaysia (PGSM), **Musa Awang**, ia lebih kepada isu pelanggaran undang-undang, isu akidah, memanipulasi wanita, eksploitasi kanak-kanak dan penganiayaan.

Katanya ada banyak perniagaan orang Islam yang berjaya dengan mematuhi undang-undang, menjaga kebijakan pekerja dan memberi pulangan kepada ekonomi negara serta masyarakat tanpa melanggar peraturan dan undang-undang.

Malah katanya mereka juga berpegang kepada akidah dan tidak memanipulasi sesama manusia.

“Ada pihak memanipulasi agama untuk kepentingan sendiri, dengan menyembunyikan tindakan di sebalik jubah, janggut dan kopiah. Ada yang memakai jubah dan kopiah tetapi meminta sedekah di tepi jalan.”



MUSA



BUKU serta risalah berkaitan ajaran Al-Arqam yang ditemui ditanam di tepi sungai di Kota Bharu. - Gambar hiasan

banyak persoalan kepada orang yang berjubah, berjanggut dan berkopiah daripada orang yang berpakaian biasa. Inilah antara justifikasi dan hikmah yang Allah nak tunjukkan,” katanya.

Ditanya mengenai dakwaan siasatan polis itu sengaja direka-reka, katanya, spekulasi mengenai GISBH apabila ia dikaitkan dengan gerakan Al-Arqam yang sudah diharamkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan pada 1994.

Katanya, catatan Facebook oleh GISBH mengesahkan ia ditubuhkan daripada saki-baki Al-Arqam, khususnya daripada cabang perniagaannya.

“Gerakan Al-Arqam telah melalui proses penjenamaan semula, terlebih dahulu menggunakan nama Rufaqa Corp sebelum beralih kepada GISBH.

“Setakat Ogos 2024, GISBH menjadi konglomerat swasta Islam dengan 25 anak syarikat yang memegang aset kira-kira RM325 juta dengan 415 cawangan

perniagaan tersebar di 20 negara.

“GISBH menggajikan 5,346 orang di 25 anak syarikatnya, termasuk aset penting seperti restoran di London, Paris, Istanbul, Dubai dan Mekah, tempat penginapan di Turki, hotel di Sarajevo dan ladang seluas 120 ekar di Perth, Australia,” katanya.

Dengan keadaan itu jelasnya, sudah pasti sebarang risikan, siasatan dan tindakan oleh PDRM memerlukan masa secara berperingkat dan menyeluruh kerana melibatkan jumlah aset yang banyak dan jumlah pengikut ramai.

PDRM katanya, bertindak atas berlakunya pelanggaran undang-undang dan memerlukan kepada maklumat, risikan dan siasatan manakala isu berkaitan akidah adalah di bawah tugas Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Majlis Agama Islam Negeri.

“PDRM menjalankan tugas berdasarkan kuasa diberi undang-undang pengalaman dan kepakaran mereka. Begitu juga pegawai JAKIM, Jabatan Agama Islam Negeri mempunyai kepakaran masing-masing.

“Teruskan usaha yang baik. Apa sahaja kritikan jadikan sebagai

Usaha perangi tepat pada masa

TINDAKAN kerajaan dan polis peranggi habis-habisan sebuah organisasi agar tidak menunggang agama untuk kepentingan tertentu seperti yang didakwa baru-baru ini adalah tepat pada masanya, kata seorang akademik, **Dr Mohammad Tawfiq Yaakub**.

Beliau yang merupakan Pensyarah Kanan Jabatan Sains Politik, Pentadbiran Awam dan Pengajaran Pembangunan daripada Universiti Malaya (UM) berkata tindakan polis itu bagi memastikan mana-mana kumpulan tidak berjaya memecah belah masyarakat, menghasut dan merosakkan keharmonian sedia ada apatah lagi mereka yang jelas memesangkan ajaran agama yang sesat.

Mengulas lanjut, Tawfiq berkata beliau melihat pemimpin-pemimpin kumpulan tersebut perlu dikenakan dakwaan yang tegas kerana menghina Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim kerana masih mengulangi penyebaran ajaran sesat.

Mohd Tawfiq turut menggesa kerajaan klasifikasikan kumpulan tersebut sebagai ekstremis sebagaimana Al Maunah dan Jemaah Islamiah.

“Sudah sampai tahap ekstremis kerana mengancam keselamatan Islam, keamanan masyarakat dan negara apabila tidak patuh pada fatwa serta undang-undang yang pernah digunakan terhadap ‘ibu ideologi’ mereka iaitu Al-Arqam sebelum ini.

“Saya memuji kepimpinan polis yang diterajui Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain kerana membanteras ‘barah’ bahaya ini habis-habisan sehingga ke

peringkat akar umbi.

“Keseriusan polis ini dapat dilihat apabila Ketua Polis Negara sendiri mengepalai operasi peringkat tertinggi untuk memastikan organisasi ini lumpuh sepenuhnya,” katanya.

Sementara itu, **Profesor Madya Dr Mohd Azmir Mohd Nizah** yang merupakan Pensyarah Kanan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) berkata isu yang sedang ‘panas’ ini adalah satu kes yang kompleks.

Beliau berkata ini kerana melibatkan isu jenayah, korporat, Jenayah Pengubahan Wang Haram, hak asasi, pendidikan dan hingga ke isu akidah serta agama.

“Maka, ia bukan sahaja melibatkan polis, tetapi juga semua pihak yang bertanggungjawab terlibat.

“Usaha yang dilakukan oleh pihak polis adalah wajar, tetapi ia mesti dilakukan dengan cermat dan teliti. Ini agar ia tidak membawa persepsi negatif yang pelbagai, baik bagi polis, kerajaan mahupun awam,” katanya.

Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) juga sudah memulakan semakan terhadap pematuhan perniagaan GISBH.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak, Fuziah Salleh berkata Bahagian Pematuhan SSM sudah melaksanakan semakan dan akan membuka kertas siasatan.

Pada 22 September lalu, puluhan buku berkaitan pengasas Al-Arqam, Asaari Muhammad atau Abuya ditemui ditanam di tepi sungai berdekatan kediaman pengikut GISBH ketika serbuan polis di Kampung Panji, Kota Bharu.



MOHAMMAD TAWFIQ



MOHD AZMIR

Dikaburi tindakan berdasarkan agama

TIDAK BOLEH TOLAK ANSUR

METRA SYAHRIL MOHAMED

PIHK yang kritikal terhadap tindakan polis dalam isu melibatkan Global Ikhwan Services and Business Holdings (GISBH) dilihat dikaburi dengan organisasi itu yang dikatakan sebagai pertubuhan membantu orang susah lebih-lebih lagi berlandaskan agama.

Felo Majlis Profesor Negara dan Akademi Penyelidikan Nusantara (NASR), **Profesor Dr Azmi Hassan** berkata perkara itu ‘mengaburkan’ yang membuatkan mereka melihat tindakan polis ini dikatakan agak melampau.

Tetapi hakikatnya tegas beliau, seperti diakui pemimpin utama GISBH bahawa kejadian liwat ada berlaku, cuma satu dua kes sahaja.

“Jadi itu menunjukkan mentaliti kumpulan itu khususnya melibatkan kanak-kanak.

“Kita perlu melihat dari sudut penganiayaan, penderaan kanak-kanak sebab itu siasatan bukan sahaja dilakukan Pasukan Siasatan



AZMI

Jenayah Pengubahan Wang Haram (AMLA) tetapi juga Akta Kanak-Kanak 2001.

“Walaupun perkara itu hanya satu dua sahaja, kita tak boleh biarkan dan kita tahu perkara ini menggunakan kanak-kanak sebagai tenaga pekerja sepasutnya tak boleh kita benarkan,” katanya kepada Wilayahku.

Azmi berkata sama ada organisasi itu sebuah organisasi berasaskan Islam atau organisasi yang banyak memberi bantuan kepada orang susah, ini tidak memberi dalil atau justifikasi untuk membenarkan penderaan kanak-kanak berlaku.

“Ini yang perlu diterapkan kerana pemikiran masyarakat, kumpulan yang memandang serong tindakan Polis Diraja Malaysia (PDRM) ini bahawa kita tidak boleh tolak ansur bila datangnya kepada hak asasi kanak-kanak itu,” tambahnya lagi.

Dalam Op Global yang dijalankan pada 11 September lalu, seramai



TINDAKAN PDRM dijalankan secara teliti dan mematuhi undang-undang. - Gambar hiasan

402 kanak-kanak dan remaja berusia setahun hingga 17 tahun diselamatkan dari 20 rumah amal dikendalikan kumpulan perniagaan

yang dikatakan bermotif agama di sekitar Selangor dan Negeri Sembilan.

Mangsa terdiri daripada 201

kanak-kanak serta remaja lelaki dan 201 perempuan yang disyaki menjadi mangsa eksplorasi, pengabaian dan penganiayaan.

Cegah jenayah kanak-kanak

ORANG ramai dinasihatkan untuk lebih berhati-hati dengan kelicikan penjenayah-penjenayah seksual terhadap kanak-kanak.

Penyanyi rap dan aktivis kemanusiaan, **Caprice** atau nama sebenarnya, Ariz Ramli berkata kes jenayah dalam kalangan remaja bawah umur tidak boleh dipandang ringan.

“Kebanyakan mangsa akan memilih untuk berdiam diri dan mungkin terpaksa hidup dalam keadaan trauma sepanjang hayatnya. Masyarakat perlu sedar betapa bahayanya pemangsa jenayah seksual ini, bukan sahaja meruntuhkan masyarakat malah juga negara.

“Oleh kerana itu, pada pendapat saya, perkara sebegini perlu dipandang serius, semua pihak perlu mainkan peranan serta lindungi kanak-kanak daripada menjadi mangsa,” katanya kepada Wilayahku.

Tambah Caprice, zaman kanak-kanak adalah suatu fasa kehidupan yang seharusnya dilalui dengan warna-warni indah dan dipenuhi dengan gelak ketawa.

Menurutnya lagi, bagi kebanyakan mangsa gangguan seksual yang dialaminya pada usia setahun jagung, tragedi itu akan menjelaskan kehidupan zaman kanak-kanak, malah berupaya menjadi titik hitam dalam kehidupan mereka.

“Tanpa langkah pencegahan awal, titik hitam itu akan berkembang



GANGGUAN seksual memberi kesan terhadap mental. - Gambar hiasan

besar dan meninggalkan kesan yang berpanjangan, sekali gus berpotensi mengganggu perkembangan emosi dan mental mereka.

“Perlu diketahui gangguan seksual bukan kejadian yang menyebabkan trauma dari segi fizikal semata-mata malah masyarakat sering terlepas pandang akan kesan gangguan seksual terhadap mental dan emosi mangsa.

“Tanpa perhatian sewajarnya daripada golongan profesional seperti pakar psikiatri, psikologi dan kaunselor

bertauliah, kanak-kanak yang menjadi mangsa gangguan seksual cenderung berhadapan dengan masalah kesihatan mental di usia

dewasa,” tegasnya.

Caprice berkata masyarakat terutamanya golongan ibu bapa perlu bijak menilai supaya tidak mudah terpengaruh atau tidak terjerat dengan jenayah ini walaupun berimejkan Islam seperti seorang yang warak atau ustaz.

“Akhir zaman bukan sekadar zaman fitnah tetapi zaman penuh dengan munafik juga, semua pihak perlu bersatu banteras jenayah ini daripada terus berleluasa,” jelasnya.

Beliau amat memuji tindakan pantas pihak berkuasa dalam membantu mencegah jenayah.

“Pada pendapat saya, pihak berkuasa terutamanya Polis Diraja Malaysia (PDRM) amat pantas dan cekap dalam mengekang jenayah yang melibatkan kanak-kanak,” ujarnya.



CAPRICE

Perlu ada sikap ‘menyibuk’

MASYARAKAT perlu berganding bahu dengan pasukan keselamatan mahupun kerajaan dalam membendung kewujudan pusat-pusat atau badan amal yang didapati bercanggah dengan norma kehidupan dan agama.

Perkara itu ditegaskan pakar sosial, **Profesor Datuk Dr Mohammad Shatar Sabran** yang mahu semua pihak peka dan ambil tahu mengenai perkara tersebut.

Dalam kes melibatkan sebuah

pertubuhan yang kini sedang disiasat Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan agensi agama, katanya semuanya itu dapat dibendung awal jika ada peranan kuat masyarakat.

“Kita mohon masyarakat perlu peka, ‘menyibuk’ mengenai badan-badan amal yang diwujudkan, kena pastikan mereka ini melalui proses yang sah dan mengikut undang-undang atau berdaftar dengan kerajaan.

“Ia bukan untuk menyusahkan tetapi penubuhan itu perlu selari dengan hasrat dan aspirasi serta agenda kerajaan.

“Ini supaya aspek pengawasan dapat dilaksanakan, agar pusat-pusat atau badan amal ini tak lari daripada asas penubuhannya.”



MOHAMMAD SHATAR

katanya kepada Wilayahku.

Mohammad Shatar berkata jika perkara ini tidak dilakukan awal, ia dibimbangi akan mengundang masalah atau konflik pada masa akan datang.

“Mungkin menimbulkan risiko yang tinggi kepada negara dan mungkin boleh wujud kumpulan-kumpulan berfahaman kiri atau ekstremis dan boleh mengganggu-gugat keselamatan negara.

“Atau mungkin ia bercanggah dengan norma-norma masyarakat dan agama. Semuanya ini perlu kita sebagai masyarakat mainkan peranan,” katanya.

Beliau menambah semuanya itu tidak boleh diletakkan bebananya pada kerajaan atau pihak berkuasa semata-mata kerana mereka juga memiliki keanggotaan sumber manusia yang terhad.

Untuk itu katanya, masyarakat perlu berganding bahu menyalurkan maklumat-maklumat berkenaan kepada pihak berkuasa.

“Dan apabila kerajaan mengambil tindakan sewajarnya, kita perlu bantu perkara yang tidak diingini berlaku,” katanya.

PM didakwa enggan peduli nasib pemandu OKU TIDAK LINDUNGGI SESIAPA

SEAKAN menjadi satu trend sejak akhir-akhir ini apabila orang luar bertindak menghukum individu yang terlibat dalam sesuatu kes mendahului pihak berkuasa yang sedang menjalankan tugas.

Malah mereka ini seolah-olah lebih tahu apa yang terjadi sehingga mampu mempengaruhi pengguna media sosial dengan mengambil kesempatan menyebarkan kebencian.

Baru-baru ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim turut dikaitkan dengan isu pemandu e-hailing orang kurang upaya (OKU) yang diserang oleh seorang pegawai pengiring sekitar Mei lalu.

Ada sahaja pihak yang tidak bertanggungjawab memetik nama Anwar dengan menuduh beliau cuba menutup kes tersebut sekali gus tidak mempedulikan nasib pemandu OKU tersebut.

Dakwaan yang tidak berasas tersebut mengatakan ia dilakukan demi menjaga hubungan baik beliau dengan seorang individu bertaraf kenamaan.

Memetik kenyataan Anwar terhadap perkara itu, beliau berharap semua pihak bersabar dan jangan bersifat menghukum sebelum siasatan selesai atau sebelum mengetahui tindakan selanjutnya daripada Jabatan Peguam Negara (AGC).

Tegas beliau biarpun negara ini berpegang kepada hukum, tetapi semua pihak tidak boleh sewenang-wenangnya membuat hukuman sendiri dan mendahului pihak berkuasa yang berkaitan.



JANGAN bersifat menghukum sebelum mengetahui tindakan selanjutnya daripada Jabatan Peguam Negara. – Gambar hiasan

“Saya tak setuju, prinsip negara ini negara hukum betul, tetapi jangan kita menghukum berdasarkan khabar angin atau persepsi. Ada bukti jelas, kes ini, siapa kata tutup? Kadang-kadang proses ambil masa, tapi ini memang menjadi perhatian.

“Saya secara peribadi mengambil tahu tentang hal demikian sama ada kes melibatkan OKU atau orang biasa tetapi saya nak ingatkan di sini kadang-kadang kita menghukum sebelum siasatan atau sebelum tahu keputusan siasatan yang mesti dirujuk pada Peguam Negara, yang akhirnya hendak putuskan dakwa atau tidak,” katanya.

Anwar berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas selesai menunaikan solat Jumaat di Masjid Darussalam baru-baru ini.

Pada awal September, media melaporkan hampir 200 individu mewakili kumpulan OKU aktivis dan badan bukan kerajaan, serta pekerja e-hailing telah menggesa Perdana Menteri untuk campur tangan isu tersebut selepas mendakwa tiada apa-apa tindakan terhadap pihak yang mengarahkan pemandu tersebut menarik balik laporannya.

Wakil kumpulan berkenaan memberitahu media, mereka telah menyerahkan memorandum kepada

seorang pegawai kanan dari Pejabat Perdana Menteri yang berkata akan memastikan ia mendapat perhatian Anwar.

Individu OKU yang berusia 48 tahun didakwa telah dipukul seorang pegawai juruiring kenamaan di lobi salah sebuah hotel di ibu negara pada Mei lalu atas alasan dia telah menghalang laluan rombongan tersebut.

Walau bagaimanapun kita tunggu sahaja pihak yang berkaitan menjalankan tugas. Tidak perlu masuk campur kerana perkara ini masih lagi dalam siasatan. Jadi, sila hormati pihak berwajib.

Cekap tangani isu pensijilan halal

ISU pensijilan halal terus menjadi buulan dalam media sosial. Ada yang mendakwa kononnya kerajaan lemah dan tidak mampu menguruskan perkara itu apatah lagi mahu menangani isu lebih besar pada masa akan datang.

Malah, kerajaan terus-menerus dikaitkan membela pemimpin Cina dan akan terus mengunci mulut jika ia melibatkan mereka. Sudah-sudahlah menuduh perkara yang tidak masuk akal itu.

Isu ini telah pun selesai dan tidak perlu dipertikaikan lagi. Menuduh kerajaan lemah dan tidak bijak menangani sesuatu isu adalah satu tuduhan yang agak keterlaluan.

Buktinya Mesyuarat Jemaah Menteri baru-baru ini bersetuju mengekalkan dasar sedia ada bahawa permohonan Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) perlu bersifat sukarela seperti mana ia dilaksanakan sejak 1974.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata pengekalan dasar sedia ada ini bermaksud ia terbuka kepada mana-mana industri yang bersedia untuk mematuhi semua keperluan,



PELBAGAI usaha giat dilaksanakan bagi menggalakkan pihak industri memohon SPHM. – Gambar hiasan

piawaian dan standard pensijilan halal Malaysia.

Melalui sijil diperoleh itu, ia akan memberi nilai tambah kepada pemegang SPHM atas komitmen tinggi untuk sentiasa mematuhi standard dan piawaian pensijilan halal.

“Justeru, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia JAKIM menggesa pemain industri untuk memohon SPHM memandangkan ia boleh memberi jaminan dan menarik pelanggan

beragama Islam untuk makan tanpa keraguan,” ujarnya.

Beliau yang juga Pengurus Majlis Pembangunan Industri Halal berkata pelbagai usaha giat dilaksanakan bagi menggalakkan pihak industri memohon SPHM khususnya industri mikro dan kecil.

“Pihak berkepentingan termasuk agensi pembimbing usahawan di semua peringkat turut ditawarkan insentif dan inisiatif dalam bentuk latihan dan bimbingan serta geran

dalam memastikan produk atau perkhidmatan yang ditawarkan boleh dipersijilkan halal.

“JAKIM turut memperkenalkan Inisiatif Segera Pensijilan Halal Malaysia bagi mempercepatkan pengurusan pensijilan halal Malaysia dalam tempoh 30 hari.

“Januari hingga Julai lalu, sebanyak 96 peratus permohonan berjaya diuruskan dalam tempoh ditetapkan. Usaha proaktif ini berupaya menjadi salah satu tarikan kepada pihak industri untuk memohon,” ujar beliau.

Sebelum ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar melakukan kajian dan menyediakan laporan lengkap berhubung isu pensijilan halal.

Terdahulu, isu pensijilan halal menjadi polemik selepas Ahli Parlimen Seputeh, Teresa Kok dilapor berkata ia seharusnya bersifat sukarela untuk membolehkan pengusaha membuat keputusan berdasarkan permintaan pasaran, bukan dilaksanakan secara paksa.

MENARIK WILAYAHKU



KUALA LUMPUR

29/6-28/9/24: MYARTS@JKNN 2024 @ MaTiC KL Lobby

29/9/24: Larian Malaysia 20 x Rakan Muda 24 @ Dataran DBKL

19 - 20/10/24: Gendang Sedunia @ Zepp Kuala Lumpur

4/7 - 1/12/24: Pameran IMT-GT: Rantau @ Balai Seni Negara



PUTRAJAYA

27 - 28/9/24: Kejohanan Kuda Lasak Piala Presiden Perbadanan Putrajaya 2024 @ Taman Wetland, Presint 13

1 - 31/10/24: Jom #BEATNCDS 2024

15/2/25: Putrajaya Night Race @ Dataran Wawasan



LABUAN

27 - 29/9/24: Borneo Arts Festival 2024 @ Ujana Kewangan

27 - 29/9/24: Festival Gasing @ Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan

10/11/24: Labuan Ultra Marathon 2024 @ Palm Beach Resort & Spa

TALIAN KECEMASAN

Talian Kecemasan Negara: **999** (Polis, Bomba, Hospital, Pertahanan Awam, MARITIM)

Talian Kasih KPWK: **15999**

Cyber 999: **1-300-88-2999 / 019-266 5850**



FAHMI MEMBANGUN 'PERIUK NASI' RAKYAT

SELAKU anak muda yang diangkat memegang portfolio 'Kabinet' di Pulau Pinang, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak, **FAHMI ZAINOL**, 33, percaya kepada proses politik yang mengiktiraf golongan itu dalam sistem pentadbiran negeri mahupun negara.

Menggalas tanggungjawab sebagai Pengurus Jawatankuasa Agroteknologi, Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi negeri, biarpun beliau bergelar junior jika hendak dibandingkan dengan barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) yang lain namun tidak kekok dalam soal kerjasama dan komunikasi.

Fahmi turut menekankan aspek untuk membangunkan sektor pertanian dan 'periuk nasi' penduduk Pulau Pinang biarpun negeri itu dilihat kecil dan lebih mementingkan sektor industri.

Bersama Wartawan Wilayahku, **METRA SYAHRIL MOHAMED**, Fahmi yang baru sahaja pulang menghadiri sesi meja bulat mewakili Pulau Pinang di Russian Islamic Forum di Kazan, Rusia berkongsi cabaran mendepani khidmat sebagai wakil rakyat.



Menjadi 'menteri' di peringkat negeri Pulau Pinang khususnya dalam bidang menjaga 'periuk nasi' rakyat iaitu keterjaminan makanan, apa cabaran utama Yang Berhormat (YB) untuk memajukan sektor pertanian di negeri ini yang lebih memfokus kepada industri?

Cabarannya adalah kekurangan tanah di negeri Pulau Pinang. Itulah cabaran kita untuk memajukan sektor pertanian negeri.

Selain daripada itu, kekurangan kesedaran kepada pemegang taruh (pemilik tanah pertanian) menjadi cabaran utama dalam memajukan sektor pertanian.

Namun ia bukan alasan untuk kita jadi juara membekalkan barang makanan, ternakan dan produk pertanian. Paling penting kita mahu mengubah pertanian menggunakan kaedah tradisional kepada teknologi.

YB merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) termuda yang diangkat pucuk pimpinan negeri sebagai EXCO, apa pandangan YB mengenai 'cakap-cakap' politik yang mengaitkan sebagai 'tangkap muat' atau YB dilihat sebagai pelapis anak muda dalam memajukan negeri?

Parti Keadilan Rakyat (PKR) tidak asing dalam mengangkat anak muda dalam mentadbir negeri mahupun negara.

Antara contoh awal kita mempunyai Ahli Parlimen paling muda iaitu P. Prabakaran (Ahli Parlimen Batu) dan pada satu ketika dahulu kita mempunyai pimpinan yang termuda di Selangor dengan dilantik Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) negeri itu pada 2013 iaitu Nik Nazmi Nik Ahmad.

Ternyata PKR dari awal mengiktiraf anak muda dalam membawa suara pentadbiran negeri dan negara. Kini Nik Nazmi merupakan Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam.

Baik di peringkat negeri atau negara, sudah tiba masanya kita menyusun anak-anak muda yang akhirnya akan menjadi pelapis untuk meneruskan kelangsungan pentadbiran.

Selaku EXCO, apa formula dalam menambat hati penduduk Pulau



Pinang yang berbilang kaum dalam lingkungan portfolio YB?

Hubungan yang baik dengan pemegang taruh dalam kerajaan, swasta, komuniti persatuan-badan anak muda dan badan bukan kerajaan (NGO) perlu dijalankan secara semasa ke semasa.

Jika tidak mempunyai hubungan dengan baik, ataupun mengetepikan suara mereka, sudah tentu akan mempunyai masalah.

Namun dengan hubungan yang baik serta berterusan menjadi kaedah utama dalam menambat hati penduduk Pulau Pinang.

Contoh isu-isu utama yang mendepani YB setakat ini dan bagaimana menyelesaikannya?

Isu utama yang saya hadapi adalah cabaran dalam memperkasa sektor pertanian yang lebih bermaruah.

Selama ini, belum ada apa-apa

penubuhan dalam membangunkan sektor ini secara skala besar dan agresif.

Kini saya berjaya menujuhkan Penang Agrotech Sdn Bhd, dalam memperjuangkan isu pertanian yang lebih bermaruah.

Apakah wawasan YB khususnya dalam pembangunan Pulau Pinang, sektor apa yang perlu diberikan penekanan untuk dimajukan?

Pembangunan yang seimbang dan lestari harus diberikan penekanan dalam negeri Pulau Pinang dengan memastikan bahawa bukan hanya sesetengah sektor sahaja diberikan tumpuan.

Tetapi perlu dilihat secara seimbang dan semuanya harus mempunyai kelestarian.

Jika aspek keseimbangan dan kelestarian diketepikan ia bakal menghancurkan negeri yang kuat ini.

Justeru selepas ini segala



perancangan pada masa-masa akan datang seharusnya seimbang dan lestari.

Di peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN) Pantai Jerejak, apa isu-isu utama yang YB lihat perlu diambil peduli dan diselesaikan dengan baik?

Bagi kawasan DUN Pantai Jerejak, isu kesesakan lalu lintas, pembangunan yang lestari (sistem perparitan, parit dan longkang), pembangunan landskap perlu dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

Apakah potensi-potensi yang ada di dalam kawasan DUN itu untuk diketengahkan? Boleh YB berikan contoh?

DUN Pantai Jerejak berada dalam kawasan industri dan pembangunan yang pesat. Apa yang boleh diketengahkan adalah

dari segi sektor perkhidmatan dan sektor pelancongan.

Pantai Jerejak mempunyai pantai yang cantik, Quensbay Mall yang dijadikan kawasan pelancongan. Selain itu, Pantai Jerejak juga merupakan kawasan utama industri ikan sangkar.

Perkara-perkara ini akan diketengahkan dalam memastikan pembangunan seimbang.

Untuk tempoh setahun selepas Pilihan Raya Negeri (PRN), apakah YB berpuas hati dengan khidmat yang diberikan?

Selepas setahun, saya belum berpuas hati dalam membawa dan menjaga DUN Pantai Jerejak. Banyak perkara yang telah dirancang namun belum dilaksanakan lagi.

Justeru bagi tahun kedua saya akan terus dengan aksi yang lebih agresif untuk memastikan DUN Pantai Jerejak dibangunkan secara lestari.

Perubahan cuaca ekstrem

KESELAMATAN TERJAMIN

SYED HAZIQUE

PERUBAHAN iklim yang ekstrem telah memberikan impak-impak yang buruk terhadap negara Malaysia.

Pakar Geologi Kejuruteraan dan Mekanik Tanah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr

Nor Shahidah Mohd Nazer berkata kerajaan perlu fokus mengkaji kawasan-kawasan berisiko bagi mengelakkan kejadian bencana alam pada masa hadapan.

"Faktor-faktor seperti hujan lebat berterusan, banjir, cuaca panas melampau ini boleh menyumbang kepada kejadian seperti tanah runtuh selain tanah mendap atau jerlus yang berlaku baru-baru ini.

"Kerajaan perlu adakan pelan atau perancangan khas bagi menangani isu bencana ini terutamanya di kawasan geologinya tidak stabil sebagai contoh tanah

batu kapur, dahulunya lombong dan sebagainya," katanya kepada Wilayahku.

Menurut Nor Shahidah, dalam tempoh perubahan cuaca, akan berlaku banyak gangguan pada tanah.

"Orang awam perlu diberi kesedaran terhadap implikasi perubahan cuaca ekstrem ini.

"Apa yang penting bagaimana orang awam bertindak dan bersiap-siaga terhadap sebarang ancaman bencana," ujarnya.

Jelas Nor Shahidah, kejadian cuaca hujan yang berpanjangan terutamanya di Kuala Lumpur memberi kesan terhadap persekitarannya.

"Umum sedia maklum cuaca hujan sebenarnya sinonim dengan pelbagai kejadian-kejadian bencana seperti banjir kilat, kejadian tanah

runtuh, mendap tanah dan sebagainya.

"Justeru itu, perlunya kesedaran serta advokasi bagi mengelakkan sebarang insiden-insiden yang tidak diingini berlaku lagi pada masa hadapan," katanya.

Tambahnya lagi, beliau yakin DBKL akan terus melakukan langkah-langkah pengawasan dari semasa ke semasa dengan kepentingan menjaga keselamatan penduduk ibu kota.

"Selain itu, pada pandangan saya, DBKL terus giat memantapkan usaha pemulihian kawasan-kawasan yang berisiko tinggi.

"Pihak berkuasa tempatan (PBT) tersebut diharap terus membuat pemantauan yang sewajarnya, dan saya yakin bahawa keselamatan warga kota masih terjamin," jelasnya. 



ORANG awam perlu diberi kesedaran terhadap implikasi perubahan cuaca ekstrem.

Paip pecah bukan kejadian mendapan

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memaklumkan terdapat paip Air Selangor yang telah pecah dan telah menyebabkan kerosakan pada permukaan jalan.

DBKL dalam satu kenyataan berkata insiden tersebut dilaporkan berlaku di sekitar Jalan Sultan Ismail, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

"Kerja-kerja baik pulih sedang giat dijalankan oleh pihak Air Selangor. Bagi kerja-kerja baik pulih jalan yang tidak rata akibat tekanan daripada air dijangka siap sepenuhnya pada pukul 5 pagi keesokan harinya (24 September)," katanya.

Terdahulu, media melaporkan, tular di media sosial video yang mendakwa berlakunya satu

insiden lubang benam berdekatan Jalan Sultan Ismail menghalang ke Jalan Raja Chulan di Kuala Lumpur.

Video berdurasi 10 saat yang tersebar itu menunjukkan anggota bomba sedang mengawal satu kawasan jalan yang seakan-akan mengalami mendap tanah.

Jalan yang terjejas itu turut ditutup dengan kon dan pita kuning manakala aliran air didapati turut berlaku di lokasi.

Sementara itu, Pusat Gerakan Operasi Bomba Kuala Lumpur (PGOKL) berkata pihaknya menerima laporan berhubung kejadian itu menerusi talian MERS 999 pada pukul 5.04 pagi hari kejadian.

Dalam pada itu, pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor)

mengesahkan insiden di Jalan Sultan Ismail tersebut adalah disebabkan oleh kejadian paip pecah dan bukan mendap tanah.

Air Selangor dalam satu kenyataan berkata secara amnya kejadian paip pecah boleh menyebabkan kerosakan jalan di sekitar kawasan terlibat kerana tekanan air yang tinggi dalam sistem paip.

"Tindakan segera untuk kerja-kerja pembetulan paip tersebut telah diambil dan siap pada pukul 5 petang."

"Kerja-kerja penurapan jalan sedang dijalankan dan dijangka siap dalam tempoh 24 jam, bergantung pada keadaan cuaca di lokasi kejadian," katanya. 



INSIDEN di Jalan Sultan Ismail disebabkan oleh kejadian paip pecah bukan mendap tanah.



PARA pemenang meraikan kemenangan di Sportizza Setapak.

Erat perpaduan komuniti PA/PPR

DI sebalik menjadi medan melahirkan atlet hebat, sukan juga menjadi landasan terbaik dalam memupuk dan memperkasa perpaduan antara komuniti.

Justeru Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengadakan Pertandingan Futsal PA/PPR Piala Menteri Wilayah Persekutuan untuk mengeratkan hubungan dalam kalangan penduduk Perumahan Awam (PA) dan Projek Perumahan Rakyat (PPR) baru-baru ini.

DBKL dalam satu hantaran di Facebook berkata pertandingan itu disertai oleh peserta yang terdiri daripada penduduk PA/PPR sekitar Kuala Lumpur.

"Kejohanan yang diadakan ini bertujuan untuk mengeratkan perpaduan dan hubungan antara komuniti PA/PPR di samping memupuk semangat kesukanan serta aktiviti yang sihat.

"Ia merupakan anjuran DBKL dengan kerjasama Gabungan Persatuan Penduduk PA/PPR. Kategori dewasa mempertaruhkan

31 pasukan sementara 21 pasukan bagi kategori remaja," katanya.

Sesi penyampaian hadiah disempurnakan oleh Pengarah Eksekutif Sosioekonomi DBKL, Ismadi Sakirin dan diiringi oleh Ahli Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur, Lai Chen Heng serta Pengerusi Gabungan Persatuan Penduduk PA/PPR, Ismail Shaari.

"Bagi kategori dewasa, johan telah disandang oleh PPR Batu Muda dan naib johan dirangkul oleh PPR Kampung Baru Air Panas manakala bagi kategori remaja pula tempat pertama dimenangi PPR Pekan Batu dan naib johan dari PPR Muhibbah B.

"Tahniah diucapkan kepada juara pertandingan dan pasukan-pasukan yang bertanding. Juma lagi di penganjuran di masa hadapan," ujarnya.

Terdahulu, Pertandingan Futsal PA/PPR Piala Menteri Wilayah Persekutuan diadakan pada 22 September 2024 bertempat di Sportizza Setapak, Kuala Lumpur. 

Giat jalin program kerjasama

YWP SANTUNI ASNAF, OKU

DIANA AMIR

YAYASAN Wilayah Persekutuan (YWP) menyantuni seramai 10 orang golongan asnaf dan orang kurang upaya (OKU) menerusi program kerjasama Pesta Citarasa Sambal (TOSFE) 0.3 baru-baru ini.

Program anjuran Persatuan Seni Warisan Artistik Digital (PSWAD) dengan kerjasama Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN), Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya (MOTAC) serta Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) itu sejajar dengan matlamat YWP untuk membantu golongan memerlukan.

Menurut Eksekutif Kanan Pembangunan Komuniti (P.E.S.A.T) YWP, **Siti Nadiah Mohd Ariff**, mereka yang terpilih dibantu dari segi kewangan untuk modal perniagaan selain sumbangan barang keperluan.

"Pihak YWP juga sentiasa bersedia untuk menjalankan

kerjasama dengan pihak lain selagi mana ia sejajar dengan matlamat dan objektif YWP," katanya kepada Wilayahku.

Untuk itu, YWP turut mengalakukan sumbangan daripada individu atau syarikat korporat dalam usaha meningkatkan taraf hidup warga kota.

"Sumbangan boleh disalurkan ke Tabung Kebajikan & Pelajaran YWP di CIMB Bank (**8001103675**) atas nama Yayasan Wilayah Persekutuan serta catatkan kod Sumbangan Tabung YWP," ujarnya.

Dalam perkembangan lain, Siti Nadiah berkata pihak YWP kini juga giat mengadakan program bantuan pendidikan khususnya buat golongan berpendapatan rendah (B40), individu-individu dan badan bukan kerajaan (NGO) yang memerlukan sumbangan.

"YWP sentiasa berbesar hati untuk membantu dari pelbagai sudut dalam memastikan

pendidikan anak-anak Wilayah Persekutuan terjamin.

"Kita menyantuni semua peringkat pelajar dari tahun satu hingga ke peringkat universiti bermula dari Bantuan Awal Persekolahan (Back to School), Bantuan Murid Terciric, Dermasiswa Pelajar Sekolah Menengah, Bantuan Pemakanan Sekolah Menengah disusuli dengan Bantuan Awal ke Institut Pengajian Tinggi (IPT) dan Dermasiswa IPT."

"Begitu juga dengan bantuan pemakanan, YWP memberi pelajar-pelajar sekolah menengah terpilih makanan percuma setiap hari yang disediakan oleh pihak kantin sekolah agar mereka lebih fokus dalam pembelajaran," ujarnya.

Tambahnya, pihak YWP kini turut menawarkan Program Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) kepada pelajar di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.



PIHAK pengajur Pesta Citarasa Sambal 0.3 memberikan sumbangan kepada salah seorang peserta OKU.



SEKITAR kunjungan Pertubuhan Kadazan Sabah ke Muzium Negara baru-baru ini.

Angkat sejarah warisan

SEBANYAK 468 koleksi diterima Jabatan Muzium Malaysia dari tahun 2020 hingga 2024 sejak Kempen Derma Koleksi dilancarkan pada 7 Disember 2021.

Jabatan Muzium Malaysia berkata kemen tersebut bertujuan untuk melindungi dan melestarikan khazanah warisan negara melalui sumbangan koleksi peribadi masyarakat yang bernilai dari sudut sejarah, seni, budaya dan alam semula jadi kepada pihaknya.

"Kita telah menerima seramai 31 orang penderma yang terdiri daripada pelbagai klasifikasi koleksi seperti sampul surat, permainan dan hiburan, mata wang, alat perusahaan, senjata, pakaian dan perhiasan diri.

"Penderma koleksi akan menerima tiga jenis manfaat antaranya ialah sijil dan surat penghargaan sebagai menghargai sumbangan kepada bangsa dan

negara," katanya dalam satu kenyataan baru-baru ini.

Justeru, satu Majlis Derma Koleksi Set Tagung Kadazan telah diadakan bagi menghargai sumbangan koleksi oleh Pertubuhan Kadazan Sabah (Kadazan Society Sabah) kepada Jabatan Muzium Malaysia.

"Kita telah menerima sumbangan Koleksi Set Tagung Kadazan daripada Pertubuhan Kadazan Sabah yang terdiri daripada lapan koleksi seperti set tagung, gendang dan satu set kulintangan.

"Set Tagung Kadazan yang berusia lebih 100 tahun ini merupakan koleksi asal milik Datuk Seri Panglima Marcel Leiking yang merupakan Presiden Pertubuhan Kadazan Sabah.

"Ia diperbuat di Brunei semasa North Borneo (Sabah) dikuasai oleh Kesultanan Brunei sekitar 1700-an di mana ia dibawa oleh peniaga

dari Brunei ke pesisir Pantai North Borneo dan kemudian dibawa ke kawasan pedalaman," ujarnya.

Tambahnya, Majlis Penyerahan Tagung Kadazan itu turut dihadiri oleh Presiden Pertubuhan Kadazan Sabah, Datuk Seri Panglima Marcel Leiking; Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) Jabatan Muzium Malaysia, Mohamad Shawali Badi; Timbalan Ketua Pengarah (Permuziuman) Jabatan Muzium Malaysia, Mohd Razaimi Hamat; Setiausaha Agung Pertubuhan Kadazan Sabah, Batholomew Jingulam dan Ketua Penolong Pengarah (Unit Kemiskinan), Kementerian Ekonomi merangkap Bendahari Agung Pertubuhan Kadazan Sabah, Humfrey J Suimin.

Terdahulu, Majlis Derma Koleksi Set Tagung Kadazan telah diadakan pada 20 September 2024 bertempat di Ruang Tengah, Pameran Raja Kita, Jabatan Muzium Malaysia.

Lembah Klang jadi inspirasi

SEBAUH karya instalasi topografi, Krystal Valley yang menampilkan sebuah landskap futuristik menggabungkan elemen imersif dan kristal buatan berkilaunya begitu mengagumkan.

Karya oleh artis Jung Ong tersebut dibuka untuk tatapan umum bermula 13 September sehingga 11 November 2024 bertempat di Balai Seni Negara.

Balai Seni Negara dalam kenyataannya berkata Krystal Valley menggunakan tema Lembah Klang sebagai inspirasi, menggambarkan lembah ini bukan sekadar tempat pembuangan, malah Kawasan yang kaya dengan mineral.

"Dengan memanfaatkan bahan terbuang seperti besi buruk, papan elektronik dan kertas, karya ini dipamerkan sebagai sebuah monumen yang memperlihatkan

kristal tiruan seperti permata berharga," katanya.

Tambahnya menerusi karya ini, bahan terbuang diolah menjadi kristal tiruan yang membentuk kolaj tiga dimensi, menyatukan memori serta objek-objek lama milik artis.

"Proses ini memberi nafas baharu kepada objek yang biasa, selain memori silam dihidupkan semula dan mencipta hubungan mendalam antara manusia dengan sejarah dan geologi. Karya ini sekali gus menyeru orang ramai untuk menghargai sejarah dan perubahan.

Jelasnya pada masa kini, kristal sering digunakan untuk meningkatkan fokus, ketenangan dan membantu mengatasi kegelisahan.

"Pencahayaan yang digunakan dalam karya ini menjadikannya unik dan futuristik," ujarnya.



KARYA-KARYA yang dipamerkan memperlihatkan kristal tiruan seperti permata berharga.

SENIMAN JALAN MASJID INDIA



KU SEMAN KU HUSSAIN

SEMASA hayatnya beliau amat senama dengan Jalan Masjid India. Siapa yang menyangka bermula dengan menjual ubat di kaki lima, kemuncaknya beliau menjadi aktor hebat. Daripada berceloteh hampir lima jam di kaki lima, beliau terpilih bermonolog di luar negara. Semuanya kerana pengalaman yang dikutip di Jalan Masjid India.

Sebenarnya yang ramai mengerumuni beliau ketika menjual ubat bukan hendak membeli, tetapi banyaknya terpukau dengan aksinya bagaikan seorang aktor. Beliau pun tidak mengharapkan jualannya laris, aksi itu lebih pada membina stamina dan kelantangan suara di pentas teater.

Itulah Allahyarham Khalid Salleh yang lebih dikenali kalangan teman-teman sebagai Wak Khalid. Keberadaannya sebagai seniman sangat terkait dengan Kuala Lumpur atau lebih tepat lagi Jalan Masjid India. Hal itu kerana sejak remaja hingga akhir usia, di situlah tapak kesenimanannya dan kehidupannya.

Saya mengikuti dari dekat semua karya Khalid sejak mula kenal dan rapat pada 1984 di Panggung Drama, Jalan Bandar. Sekarang bangunan Panggung Drama itu diubah suai menjadi pejabat Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) Wilayah Persekutuan.

Waktu itu hampir setiap malam selepas pulang dari pejabat saya menjadi sebahagian daripada penggiat yang selalu berlatih di Panggung Drama, tempat yang menjadi pangkalan penggiat teater di Kuala Lumpur.

Dalam kalangan penggiat teater, Khalid ibarat Pak Lurah, beliau amat dihormati dan menjadi rujukan. Bukan sahaja hal teater, tetapi juga yang berkait hal kehidupan.



KHALID (tengah) dalam satu adegan filem Jogho arahan U-Wei Haji Saari pada tahun 1997.

Cakapnya jarang disanggah, bukan kerana usia yang paling senior walaupun baru 36 tahun, tetapi disebabkan pengalamannya.

Khalid, seorang aktor, sasterawan dan teateris yang sukar untuk diidu atau ditigakan. Beliau adalah satu-satunya seniman yang menguasai secara kukuh disiplin budaya, sastera, teater dan lakon pada satu masa. Beliau bukan 'serba boleh' tetapi yang tepat 'serba hebat' dalam semua jalur seni yang ditangani.

Beliau tidak mahu menjadi lain selain seniman, itulah pengamatan saya terhadap Khalid sejak empat dekad lalu. Menjual ubat di Jalan Masjid India adalah proses pembinaan seorang aktor. Di situlah Khalid belajar memahami manusia dan watak-watak mereka.

Pengarah teater Krishen Jit pantas mengesan luar biasanya penjual ubat bernama Khalid Salleh itu. Lalu diserahkan watak Adam, tunggak utama dan tunggal teater Bukan Bunuh Diri karya Dinsman. Beliau seorang yang agak 'cerewet' tentang pelakon, tetapi begitu pantas memilih Khalid untuk membawa watak Adam.

Teater Bukan Bunuh Diri membawa Khalid ke dunia yang hampir serupa dengan menjual ubat, teater juga amat menuntut kekuatan fikir, aksi dan suara. Masa yang sama melangsungkan dirinya sebagai aktor dalam kondisi dan ruang yang baharu.

Bukan Bunuh Diri menjadi tiket Khalid untuk terbang lebih tinggi. Selepas teater itu Khalid melangkah ke drama televisyen dalam slot Drama Minggu Ini dengan drama Pelari, kemudian diikuti drama Wali. Pada tahun 1980-an, berlakon drama di RTM adalah pencapaian luar biasa disebabkan peluang yang amat kecil tetapi tapisan yang sangat ketat.

MATOMATO

PENUH PESONA

KHALID juga antara perintis kumpulan Anak Alam yang bergiat di sebuah banglo lama berhampiran Padang Merbuk. Perkumpulan seniman dekad 1970-an dan 1980-an itu juga menjadi pemangkin memantapkan keseniman Khalid dalam teater dan puisi.

Apabila mendeklamasi, Khalid bagaikan seorang *orator* yang menghantar kesan yang mengagumkan khalayak. Maka keterampilan beliau di pentas sentiasa penuh dengan pesona dan tarikan. Oleh kerana itu, kalau Indonesia ada W.S Rendra, kita berbangga mempunyai Khalid Salleh.

Khalid tidak sahaja deklamator, malah sasterawan yang mengolah

dan menggaul pemikiran dalam puisi dan naskhah lakonnya. Dia seorang aktor yang terdidik dengan disiplin dan menguasai 'ruang dan masa' yang menjadi kunci keterampilannya di pentas.

Karya-karyanya sejak dahulu sehingga yang terakhir Jual Ubat (2013), tidak pernah berubah daripada gagasan dan matlamatnya yang asal untuk menyampaikan sesuatu yang ada di fikiran. Beliau tidak banyak bercakap atau berforum, tetapi terus membuat kerjanya sebagai seniman biarpun dalam skala yang kecil.

Khalid adalah anugerah pada dunia keseniman kita. Ketegasan tentang sebab musabab berkarya dan keterlibatan dalam seni tidak pernah tergugat oleh apa-apa dan sesiapa. Seni di tangan Khalid adalah wahana menghantar prinsip dan pemikiran kerana beliau adalah pemikir dan pemerhati sosial yang amat tekun.

Sepanjang dekad 1980-an dan 1990-an, Khalid banyak mementaskan naskhah karyanya sendiri. Seingat saya hanya tiga teater sahaja yang Khalid berlakon bawah pengarah lain - Malam Haram (aranan Rosminah Tahir), Bukan Bunuh Diri (Krishen Jit) dan Wangi Jadi Saksi (U-Wei Haji Saari). Selebihnya mementaskan dan mengarahkan naskhah teaternya sendiri.

Antara karya teaternya adalah Gong Gedombak, Umbut Mayang Mengurai, Sijil Penuh, Bertam Bukan Semambu, Kena Main, Si Bereng-Bereng, Benda Sulit dan Bangsat. Pernah mementaskan teater monolog Pawang di Jepun, kemudian monolog Jual Ubat yang dihasilkan pada empat tahun terakhir hayatnya.

Monolog Jual Ubat meletakkan Khalid di puncak kerjayanya sebagai seorang aktor sekali gus

sasterawan. Jual Ubat adalah kesepadan pengalaman, ilmu dan pemikiran di atas satu pentas. Daripada menjadi pemain tunggal di medan jual ubat, beliau 'menutup' tugasnya dengan monolog Jual Ubat apabila kembali ke pangkuhan Ilahi pada 23 Julai 2018.

Selain di Kuala Lumpur, monolog Jual Ubat juga dipentaskan di beberapa tempat di negara ini. Lebih membanggakan lagi apabila monolog itu dipentaskan hampir di semua kota utama di Indonesia.

Khalid menoleh pada asal usulnya dan Jual Ubat juga kemuncak proses kelahiran seorang aktor yang besar lagi tertampil. Bezanya, kalau dahulu bermonolog di Jalan Masjid India selama lima jam tanpa henti, tetapi dalam Jual Ubat hanya sekitar dua jam sahaja.

Dari sebuah kisah kecil yang diperhatikan, Khalid berbicara tentang tasawuf dan hakikat hidup manusia. Sebagai pencerita, Khalid mempertontonkan kepada khalayak bahawa semua manusia sewajarnya mempunyai matlamat dan kesedaran sebagaimana dirinya dalam mencari hasil dan reda Allah.

Selepas mengamati semua lakonan Khalid dalam filem Kaki Bakar, Jogho dan Hanyut serta teater Wangi Jadi Saksi arahan U-Wei Haji Saari, saya tidak teragak-agak menyimpulkan bahawa monolog Jual Ubat adalah kemuncak keberadaan dan permainan hebat seorang aktor.

Sebagai Kakang dalam filem Kaki Bakar atau Mamat dalam Jogho, Khalid memberikan suatu yang luar biasa kepada U-Wei Haji Saari. Pemilihan untuk kedua-dua filem itu dan teater Wangi Jadi Saksi adalah kecemerlangan U-Wei Haji Saari 'membaca' Khalid. Itulah aktor kelahiran Jalan Masjid India yang sukar ditanding dan hanya dikesan nilainya oleh pengaroh yang hebat.

RAGAM KOTA



Sebarang maklumat berhubung Editorial Wilayahku, sila hubungi alamat tertera: Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya.
Te: 03-8861 5260 | E-mail: editorialwilayahku@gmail.com

W

Bil 281 . 27 SEPT - 3 OKT 2024

KANAK-KANAK anugerah terindah

>>10-11



PERMINTAAN SEKS BAWAH UMUR MENINGKAT

SABRINA SABRE & DIANA AMIR

ANGKA jenayah seksual terhadap kanak-kanak seperti pedofilia sangat membimbangkan. Pedofilia bukanlah jenayah seksual baharu. Laporan terkini menyatakan 2,272 kes jenayah seksual kanak-kanak direkodkan dari 2020 hingga April 2024.

Seorang pedofilia lebih suka melakukan hubungan seks dengan kanak-kanak, mempunyai rasa tidak normal, keinginan tidak wajar dan tarikan untuk hubungan seksual semata-mata untuk mencapai keseronokan.

Kanak-kanak yang belum mengerti apa-apa telah dimanipulasi. Bayangkan jika kanak-kanak itu adalah anak kita sendiri?

Terkini negara digemparkan dengan dua berita utama yang mendapat liputan meluas iaitu modus operandi dilakukan di rumah amal dikaitkan Global Ikhwan Services and Business Holding (GISBH) yang didakwa terlibat dalam aktiviti seksual.

Selain itu rumah amal tersebut, masyarakat juga dikejutkan dengan adegan seorang pemandu bas yang memuat naik video murid perempuan yang dirujuk sebagai *crush* serta kesayangan. Rentetan itu, pemandu tersebut berdepan dua pertuduhan melakukan amang seksual.

Berpandangan tentang situasi yang semakin membimbangkan, Peguam Syarie, **Mohd Yazid Sa'at** berkata kerajaan digesa memperketatkan undang-undang dan mengenakan hukuman lebih berat terhadap pesalah pedofilia sekali gus melindungi hak asasi kanak-kanak.

“Semua pihak terutama kerajaan digesa menangani isu pedofilia di Malaysia secara konsisten bagi mengekang jenayah seksual



MOHD YAZID

terhadap kanak-kanak daripada terus berleluasa.

“Saya berharap kerajaan dapat memperkuatkan lagi akta dan mengenakan hukuman berat ke atas penjenayah pedofilia kerana apabila keluar dari penjara, mereka masih boleh mengulangi jenayah itu.

“Beberapa negara Asia seperti Indonesia telah menjalankan hukuman khusus kepada pesalah pedofilia dengan mengenakan hukuman *chemical castration* yang dapat memperlambangkan imaginasi kerana selepas dibebaskan mereka masih ada nafsu dan fantasi.

“Hukuman itu boleh dijadikan cadangan selain memantau pergerakan dan menjarakkan pelaku dengan kanak-kanak. Bagaimanapun ia masih dalam penyelidikan dan belum dibawa kepada pihak berkaitan,” ujar beliau.

Menurut Mohd Yazid, kriminologi mendapati 40 peratus risiko jenayah seksual disebabkan faktor genetik dan dua peratus risiko terbabit dikaitkan dengan faktor persekitaran yang dikongsi antara adik-beradik seperti sikap ibu bapa, kejiran dan pendidikan.

“Pakar juga percaya tiada penawar kekal untuk pesalah seksual kanak-kanak terutama pedofilia kerana ada mendakwa rawatan terapi boleh berkesan tetapi ia adalah satu cabaran.

“Memandangkan pesalah pedofilia adalah psikopat yang tingkah lakunya antisosial dan tidak mempunyai rasa empati serta tanggungjawab moral terhadap mangsa, gangguan ini adalah kronik dan boleh terjadi sepanjang hayat.

“Pencegahan jenayah seharusnya menjadi keutamaan bagi polis, tetapi itu tidak sewajarnya menjadi tanggungjawab mereka

sahaja. Ibu bapa dan penjaga mesti mengawasi anak-anak dengan baik dan memantau aktiviti dalam talian mereka,” ujarnya.

Sebelum ini media melaporkan pengasas bersama kumpulan hak asasi manusia, Tenaganita, Aegile Fernandez mendedahkan permintaan kepada seks dengan kanak-kanak semakin meningkat di negara ini berikut penguatkuasaan yang tegas di negara jiran.

“Negara jiran semakin peka mengenai masalah pelacuran kanak-kanak dan pihak berkuasa mereka bekerja keras memerangi pedofilia dan aktiviti seks kanak-kanak. Ini bermakna Malaysia semakin menjadi destinasi lelaki yang mahukan seks bawah umur,” ujarnya.

KETEPI PEMIKIRAN KUNO

SATU-SATUNYA penyelesaian kepada masalah ini adalah melalui pendidikan seksual yang mana di Malaysia masih cetek.

Terbukti melalui kajian di sekolah, jika di negara membangun yang lain, pendidikan seks selamat dan kelas berkenaan penyakit jangkitan seks diadakan untuk kanak-kanak.

“Malaysia perlu mengetepikan pemikiran yang menganggap pendidikan seks akan menggalakkan hubungan seks sebelum berkahwin kerana kajian menunjukkan golongan muda akan melengahkan pengalaman seksual pertama mereka jika didedahkan kepada pendidikan seks.

“Sikap rakyat Malaysia yang menahan diri daripada mendapatkan pendidikan seks hanya akan mendorong golongan muda untuk lebih tahu tentang seks,” ujarnya.

Selain itu, Mohd Yazid berkata Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) juga sentiasa bersedia memberikan khidmat nasihat kepada mana-mana pihak sekiranya tingkah laku anak mereka boleh membawa kepada jenayah seksual.

“Satu kajian yang dilakukan mendapati segolongan besar ibu bapa tidak mengetahui tentang gejala pedofilia. Kebanyakan mereka tidak terdedah dengan masalah tersebut sekali gus kesedarannya cukup rendah.

“Kita harus memahami bahawa pelindung langsung anak-anak adalah orang tua mereka sendiri. Orang tua harus sepenuhnya berwaspada dengan perlaku pedofilia ini dan mendidik anak-anak untuk tidak berkomunikasi dengan orang asing walaupun berita tentang pesalah seks.


“Richard Huckle pernah menggemparkan negara tetapi



masyarakat negara ini masih tidak tahu tentang pedofilia. Dia merupakan seorang guru yang menawarkan perkhidmatan tuisyen percuma ketika aktif dalam gerakan keagamaaan di Kuala Lumpur. Bagaimanapun, lelaki yang berasal dari United Kingdom itu kemudiannya ditahan dan dijatuhan hukuman atas 71 kesalahan seksual terhadap 200 kanak-kanak,” ujar beliau.



BERITAHU ANAK MENGENAI ZON TUBUH DILARANG SENTUH



Apa yang perlu dilakukan jika ada sesiapa menyentuh?

- ✓ Jerit JANGAN dengan kuat
- ✓ Lari ke tempat yang ramai orang
- ✓ Beritahu orang yang dipercayai

Elak ciuman di mulut

IBU bapa merupakan individu yang paling rapat dengan anak-anak dan mempunyai peranan terbesar dalam mengatasi jenayah seksual terhadap kanak-kanak.

Menurut Pakar Psikologi, **Profesor Dr Mariani Md Nor**, ibu bapa perlu sentiasa mengambil berat terhadap penggunaan gajet yang telah menjadi permainan baharu golongan kecil ini.

"Mereka perlu mengawal *screen time* serta memantau penggunaan peranti kerana tidak dinafikan media sosial merupakan antara penyumbang meningkatnya kes jenayah rogol dalam kalangan kanak-kanak."

"Selain itu, perlunya meningkatkan tahap kawalan kendiri anak masing-masing supaya mereka berupaya melindungi diri sendiri daripada menjadi sasaran pedofilia yang memanfaatkan kecanggihan teknologi komunikasi," katanya.



MARIANI

Tambahnya, menjaga pergaulan sosial anak-anak adalah langkah yang sangat digalakkan untuk mengatasi jenayah tersebut yang semakin membimbangkan.

"Antaranya perlu ambil tahu siapa rakan mereka, menjaga batasan perlakuan antara kaum keluarga ketika berada di rumah. Bagi anak-anak di awal usia, ibu bapa perlu memberi kemahiran mengurus, membersihkan diri dan mengajar mereka untuk mengetahui tentang sentuhan baik dan sentuhan jahat."

"Elakkan juga mencium mulut anak dalam menzahirkan rasa sayang kerana anak kecil ini akan menganggap cium mulut itu perkara biasa dan mereka akan lakukan kepada kanak-kanak lain serta membiarkan orang dewasa lain melakukan perkara yang sama. Ciuman mulut itu salah satu pelakuan rangsangan seksual," ujar beliau.

Mengulas lanjut, Mariani

berkata semua pihak perlu memainkan peranan dalam mengatasi perkara ini memandangkan trendnya kelihatan semakin membimbangkan.

"Pihak kerajaan di bawah kementerian yang bertanggungjawab harus memainkan peranan penting dengan mengemas kini peraturan, garis panduan, dasar polisi yang dapat memastikan hak dan keselamatan kanak-kanak."

"Di pihak ibu bapa, mereka harus mempunyai gaya keibubapaan yang lebih responsif dengan kelestarian alam sekitar kanak-kanak itu sendiri manakala pihak sekolah perlu lebih arif dengan tindakan garis panduan yang perlu mereka ambil dalam memastikan pelaku diberi hukuman setimpal," katanya.

Tambah Mariani, perkara tersebut perlu dibahaskan bersama dengan badan bukan kerajaan



(NGO) agar dapat dibuat satu resolusi untuk jenayah seperti ini dapat dikurangkan.

"Di sekolah dan di mana-mana institusi perlu ada garis panduan yang sejahtera agar setiap organisasi atau keluarga tahu apa tindakan yang boleh diambil bagi mengelakkan berlakunya perkara yang tidak diingini," tegasnya.

Mariani berkata peningkatan kes rogol dalam kalangan kanak-

kanak apabila pelaku mempunyai rangsangan seksual yang tinggi terhadap fizikal golongan kecil tersebut.

"Melalui kajian, kebarangkalian pelaku melalui pengalaman yang sama iaitu mungkin pernah diperlakukan sebagai mangsa rogol di usia kanak-kanak dan tontonan media sosial juga sedikit sebanyak mempengaruhi pembentukan peribadi," ujarnya.

'Hadiah' buat pedofilia

ISU eksplorasi kanak-kanak menggunakan Internet boleh membahayakan kanak-kanak serta remaja hari ini membesar dengan gajet yang mempunyai akses kepada pelbagai bentuk kandungan tidak sesuai dalam talian.

Selain masalah ketagihan penggunaan telefon dan Internet, tindakan sesetengah ibu bapa yang membiarkan anak melayari tanpa kawalan orang dewasa mendedahkan mereka dengan kes jenayah terutama pedofilia dan seksual.

Justeru pendidikan tentang keselamatan di Internet harus diperluaskan walaupun penyampaian maklumat di platform tersebut banyak faedahnya namun ia sarat dengan risiko yang boleh menjaskan kesejahteraan kanak-kanak.

Menurut salah seorang penjawat awam, **Muhammad Zaki Ehsan**, 40, sebagai ibu bapa antara tindakan wajar yang boleh dilakukan adalah dengan mengatur privasi akaun secara ketat dengan memilih untuk tidak memuat naik gambar peribadi atau menggambarkan lokasi anak-anak.

"Amat penting bagi ibu bapa untuk menyedari risiko yang berkaitan dengan memuat naik gambar anak-anak di media sosial. Kita tidak tahu siapa yang melihat gambar tersebut meskipun tujuan kita adalah untuk menyimpan memori tapi ia mungkin ibarat 'hadiah' buat si pedofilia."

"Justeru, sebagai ibu bapa perlu cakna dan proaktif dengan persekitaran ini. Selain itu, kita sedar bahawa dunia moden kini membuatkan anak kecil juga memiliki gajet justeru bagi saya,

adalah perlu untuk meletakkan *parental control* di peranti anak-anak, ambil tahu *password* mereka serta pastikan anak-anak menggunakan teknologi hanya di bawah pemantauan ibu bapa," katanya yang juga merupakan ayah kepada dua orang anak.

Berkongsi pandangan sama, **Nur Amalina Suhaimee**, 30, berkata dalam soal keselamatan terutama ketika berada di luar rumah, sebagai ibu bapa dia mengambil inisiatif dengan memasang kamera litar tertutup (CCTV) di tempat-tempat strategik selain meletakkan penjejak (tracker) dan sentiasa berkongsi lokasi langsung dengan anak-anak.

"Pendidikan seksual pada usia muda adalah penting sama ada anak lelaki atau perempuan kerana ia membantu untuk meningkatkan pemahaman anak-anak terhadap kegiatan tidak berfaedah ini selain memupuk rasa hormat kepada diri sendiri.

"Ia juga secara tidak langsung membekalkan mereka pengetahuan untuk mengenal pasti tingkah laku yang tidak sesuai dan bagaimana cara melaporkan kepada orang dewasa yang dipercayai."

"Kebanyakan kes seksual tidak dilaporkan kerana rasa takut dan bimbang selain malu dan sebagainya. Walaupun gangguan seksual majoritinya berlaku terhadap golongan wanita namun ia boleh berlaku kepada kedua-dua jantina, jadi pendedahan harus diberikan kedua-duanya," ujarnya.

Nur Amalina berkata perkara ini dapat dibendung sewajarnya jika mendapat kerjasama daripada seluruh pihak dan bukan hanya sekadar melepaskan batuk di tangga.

KARAKTER PEDOFIL



Ibu Bapa Perlu Peka BILA ANAK-ANAK...



Berubah tingkah laku secara mendadak. Menjadi takut, pendiam dan suka mengasingkan diri.



Tunjuk reaksi tidak selesa apabila disentuh atau didekati oleh seseorang.



Berbual di laman sosial secara bersembunyi dan dalam tempoh yang lama.



Rasa sakit dan tidak selesa di bahagian sulit mereka semasa ingin membuang air.





ASA DEPAN MALAYSIA

DIANA AMIR
Foto: SYUQQREE DAIN

TANGGAL 20 September 1998 menjadi tarikh keramat buat pejuang reformasi kerana ketika itu tercetusnya detik kebangkitan rakyat memperjuangkan keadilan.

Kini setelah 26 tahun, Jumaat lalu diadakan Himpunan Keadilan Suara Rakyat, Suara Keramat 'Dari Reformasi ke Malaysia MADANI' bagi mengimbau segala pahit maung yang dilalui oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim bersama keluarga dan penyokongnya sebelum diangkat menjadi Perdana Menteri ke-10.

Selain menceritakan perjuangan Anwar, orang ramai juga diberi peluang untuk menyatakan hasrat, aspirasi dan cita-cita mereka mengenai pembangunan negara kepada Perdana Menteri.

Pada acara kemuncak malam itu, Anwar turut menyampaikan pidato bertajuk 'Reformasi dan Masa Depan Malaysia'.

Himpunan yang berjaya menarik 20,000 orang itu diadakan di Axiata Arena, Bukit Jalil, Kuala Lumpur bermula pada pukul 6 petang sehingga 11 malam.

Terdahulu, antara pemimpin Parti Keadilan Rakyat (PKR) yang hadir, isteri presiden, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail; Naib Presiden PKR, Datuk Seri Amirudin Shari; Setiausaha Agung PKR, Fuziah Salleh; Ketua Penerangan, Fahmi Fadzil dan Ahli Parlimen Subang, Wong Chen. 



DAGING SALAI KAYU GETAH

DIANA AMIR

Foto: SYUQQREE DAIN

Video: HASIF HALIMI

MENU daging salai masak lemak sememangnya tidak dapat disangkal lagi keenakannya dan sering menjadi pilihan ramai terutamanya ketika hidangan makan tengah hari.

Menyedari ia membuka selera sesiapa sahaja, Glow Glamping Putrajaya menjadikannya salah satu tarikan dalam menu yang dihidangkan kepada pelanggan serta tetamu yang menginap di destinasi tersebut.

Rasa daging yang diasap dan ditambah kuah pekat berlemak membuatkannya menjadi iguan sesiapa sahaja yang berkunjung ke lokasi libur itu.

Menurut Penolong Pengurus Glow Glamping Putrajaya, **Adam Hykal Yusof** berkata masak lemak daging salai merupakan satu-satunya menu yang bertahan sejak diperkenalkan di kawasan itu tiga tahun lalu.

“Di sini setiap tahun, kita akan lakukan penambahbaikan serta pertukaran dari segi menu berdasarkan pilihan yang digemari oleh pengunjung itu sendiri.

“Biarpun menu daging salai masak lemak sinonim dengan Negeri Sembilan, namun terdapat perbezaan antara menu di negeri tersebut dengan yang di sini dari segi tekstur kuahnya.

“Kalau kita tengok Negeri Sembilan punya style, kuah dia lebih cair dan lebih kepada rasa pedas tapi di sini kita buatkan kuah itu lebih pekat dengan tambahan santan.

“Cara tersebut kita aplikasikan agar ia sesuai dimakan oleh semua peringkat lapisan umur. Jadi, untuk itu kita kurangkan sedikit rasa pedasnya,” ujar beliau kepada Wilayahku.

Kongsinya lagi, mereka akan memasak daging salai



ADAM

tersebut di dalam bbq pit yang bertutup dan menggunakan kayu api daripada jenis kayu pokok getah kerana ia mudah didapati.

“Antara sebab lain menggunakan kayu getah adalah apabila dibakar, meskipun apinya tidak tahan lama tetapi asap yang dihasilkan itu berbau wangi dan akan melekat pada isi daging. Itu membuatkan rasa daging salai itu lebih sedap sebenarnya,” ceritanya.

Tambahnya, resipi asal tersebut dikongsikan sendiri oleh pemilik Glow Glamping Putrajaya dan telah melalui beberapa proses penyelidikan dan pembangunan (R&D) bersama cef bertauliah.

“Sehingga kini masak lemak daging salai kita menerima maklum balas yang positif. Pelancong luar juga suka dengan masakan tersebut kerana menepati cita rasa mereka,” katanya.

Berkongsi lanjut, Adam Hykal berkata mereka memperkenalkan set talam berkonsepkan lauk kampung seperti daging salai masak lemak memandangkan ia sukar didapati di sekitar Putrajaya.

“Kalau kita tengok di sini tak banyak kedai yang tawarkan lauk kampung jadi kami ambil kesempatan ini untuk ketengahkan konsep seperti itu bagi memberi pilihan buat pengunjung.



“Konsep set talam ini diambil berdasarkan menu buffet yang ditawarkan kepada mereka yang menginap di Glow Glamping Putrajaya namun kini kita buka restoran di dalam ini agar pengunjung luar juga boleh menikmati makanan di sini,” ujarnya lagi.

Menurutnya terdapat beberapa penambahbaikan dari segi menu yang akan dilakukan namun semuanya masih dalam perancangan.

“Dari segi bahan mentah kita akan dapatkan di pasar borong dan yang pastinya kita akan cari daripada sumber yang halal dan bersih,” katanya. #

Alamat: **Glow Glamping @ Wetland Putrajaya, Presint 13**

Waktu Operasi : Isnin hingga Khamis

(11.30 pagi sehingga 3 petang)

Harga: RM58 dan RM78

Nombor telefon: 013-347 8857



ZIZAN JOZAN JOHAN



astro SHAW

BAIK PUNYA AH-LONG

ASTRO SHAW, GOLDEN SCREEN CINEMAS, PETRA VISION WORKS PRESENTS BAIK PUNYA AH LONG A PETRA VISION WORKS PRODUCTION

ZIZAN RAZAK JO HANANIA LIYANA JASMAY DATO' AFLIN SHAUKI ADLIN AMAN RAMLIE ADIBAH NOOR CHEW KINWAH ILEANA MATIN SHAUKI MIA SARA SHAUKI
SOUND DESIGNER SCIFI STUDIO MUSIC COMPOSER DR SYED AHMAD FAIZAL MIKE ED'S ARIPPIN COSTUME DESIGNER NAZIRAH RAMLAN PRODUCTION DESIGNER MAZRUL ASHRAFF MAHZAN, EDITOR & CO-DIRECTOR AIZAM SYAMSUL FDAM
DIRECTOR OF PHOTOGRAPHY HELMI YUSOF HEAD OF BRAND, DISTRIBUTION, SALES & MARKETING NOR SALVINA ALWEE EXECUTIVE PRODUCERS RAJA JASTINA RAJA ARSHAD, DATUK (DR) VINOD SEKHAR, DATO' AFLIN SHAUKI, YK TUNG
PRODUCERS DATO' AFLIN SHAUKI, DATIN MARCELLA BIDDULPH, AKO MUSTAPHA STORY BY DATO' AFLIN SHAUKI WRITERS DATO' AFLIN SHAUKI, HARIS M. NOR, SHAFIQ AZRAEI SHAH
DIRECTOR DATO' AFLIN SHAUKI FDAM

astro SHAW DI PAWAGAM 12 SEPTEMBER 2024



Perlu hormati autonomi para pekerja

DALAM ekonomi yang dinamik dan pantas hari ini, pekerja sepenuh masa seharusnya diberi kebebasan untuk mengejar usaha keusahawanan atau peluang pendapatan sambilan, asalkan mereka mampu mengimbangi masa dengan berkesan, mengekalkan prestasi yang tinggi dalam pekerjaan utama mereka serta menjaga kesihatan mereka.

Syarikat perlu mengiktiraf dan menghormati autonomi pekerja mereka dengan memberi mereka fleksibiliti ini. Kebebasan sedemikian bukan sahaja menggalakkan inovasi dan perkembangan peribadi tetapi juga menyumbang kepada ekonomi yang lebih bersemangat dan pelbagai.

Generasi hari ini sering berada dalam pekerjaan kerana keperluan, hanya untuk meneruskan kelangsungan hidup dan bukannya bekerja dalam bidang yang mereka minati atau dalam bidang yang mereka pelajari dan kuasai. Walaupun ada individu yang menyesuaikan diri dan cemerlang dalam kerjaya baru ini, terdapat juga mereka yang berjuang untuk mencari kepuasan.

Bagi individu ini, menjadi usahawan atau terlibat dalam usaha sambilan yang selari dengan minat mereka boleh memberikan makna dan menjaga kesihatan minda mereka. Ini memberi mereka peluang untuk menerokai minat sebenar

mereka, menjadikan pekerjaan lebih bermakna dan kurang membebankan.

Dengan peningkatan ekonomi gigi, memberarkan pekerja melibatkan diri dalam pekerjaan sambilan atau usaha keusahawanan boleh membantu mereka kekal kompetitif dalam pasaran kerja. Ini juga membolehkan mereka membina rangkaian dan mendapat pengalaman dalam pelbagai industri, yang boleh bermanfaat jika mereka memutuskan untuk beralih ke peranan atau industri baru.

Syarikat yang menyokong usaha keusahawanan pekerja mereka juga meletakkan diri mereka sebagai organisasi yang

bertanggungjawab dari segi sosial. Ini meningkatkan reputasi mereka dan menarik bakat terbaik yang menghargai kebebasan, fleksibiliti, dan perkembangan peribadi.

Dengan memperkasakan pekerja untuk terlibat dalam keusahawanan, syarikat menyumbang kepada perkembangan ekosistem keusahawanan di Malaysia. Ini boleh membawa kepada perkembangan industri, produk dan perkhidmatan baru.

Kerajaan juga perlu mempertimbangkan untuk menggubal undang-undang yang melindungi hak ini, memastikan tiada syarikat yang boleh secara tidak adil menyekat keupayaan pekerja untuk menerokai

aliran pendapatan tambahan. Dengan menyokong kebebasan ini, kita boleh menggalakkan perkembangan ekosistem multibakat di Malaysia, yang akhirnya memacu pertumbuhan ekonomi dan membolehkan individu mencapai potensi penuh mereka.

Tiada siapa yang sepatahnya dipaksa memilih antara mengekalkan pekerjaan sepuh masa dan mengejar impian keusahawanan mereka; sebaliknya, mereka perlu diberi kuasa untuk melakukan kedua-duanya, mencari keseimbangan dan kepuasan dalam kehidupan.

PENULIS Anetha Pillai merupakan Ahli Lembaga Pengarah YWP Media.

JADIKAN KRITIKAN PENGUAT SEMANGAT

KHAIRUL IDIN

BERMODALKAN RM5,000 untuk menjual kuih tradisional bahulu 17 tahun lalu, kini pendapatan Rosinah Jahar, 58, bukan lagi sekadar cukup makan tetapi mampu hidup senang dalam meniti usia emasnya.

Kongsinya, di awal penglibatannya dalam perniagaan, bahulu yang dihasilkan tidak mendapat sambutan namun dia tetap tidak berputus asa kerana itu satu-satunya sumber pendapatan untuk membantu suami menyara keluarga.

"Dahulu, saya terima pelbagai kritikan terhadap bahulu yang saya hasilkan. Mungkin ketika itu banyak persaingan lebih-lebih lagi saya baru sahaja berjinak-jinak dalam perusahaan itu."

"Namun saya anggap segala kritikan itu sebagai penguat semangat untuk berusaha menghasilkan bahulu yang berkualiti dan sedap sekali gus menepati cita rasa pelanggan."

"Dari situ jugalah saya mula aktif mengikuti pelbagai kursus dan bengkel yang dianjurkan oleh agensi kerajaan seperti Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) dan sebagainya untuk menambah ilmu dalam pembuatan kuih."

"Saya tidak nafikan, dalam bidang makanan ini memerlukan usaha dan kerja keras agar kita tidak ketinggalan selain perlu bijak menginovasikan produk," ujarnya yang turut dibantu suami dan menantu.

Rosinah kini sudahpun memiliki bengkel operasi yang terletak di Kampung Lajau, Simpang 4. Selain bahulu yang diusahakan menjadi pilihan penduduk pulau dia mampu menghasilkan kira-kira 1,000 hingga



ROSINAH menghasilkan kuih bahulu di bengkelnya yang terletak di Kampung Lajau, Labuan.

7,000 biji bahulu dalam satu-satu masa.

Bercerita lanjut, pemilik Myjai Enterprise ini berkata dia kini mempunyai tiga ketuhar dan mesin sekali gus mampu mengambil lebih banyak tempahan daripada pelanggan antaranya dari agensi kerajaan dan swasta.

Malah, Rosinah turut mengharapkan pihak berkaitan tampil membantunya untuk melebarkan lagi perusahaan kuih tradisional yang diusahakan.

Dalam masa yang sama, dia mengalui golongan muda yang berminat untuk mempelajari cara pembuatan bahulu untuk mempelajarinya kerana ia mampu memberikan peluang yang lumayan.

"Ke mana sahaja kita pergi, kuih bahulu tidak asing lagi, jadi saya kira ia boleh dijadikan sumber pendapatan utama sesiapa sahaja. Cumanya jangan cepat berputus asa," ujarnya.

"Segelintir golongan muda cepat menyerah jika gagal ketika mencuba



perlu sentiasa menginovasikan produk agar tidak ketinggalan.

"Ketika ini, kami mempunyai lima jenis perisa bahulu seperti pandan, coklat dan Insya-Allah akan bertambah lagi dalam masa terdekat. Antara perisa yang menjadi pilihan adalah pandan."

"Keistimewaan bahulu yang kita hasilkan terletak pada tekstur kuih itu yang sedikit kenyal serta tidak rupuh biarpun menggunakan peralatan moden," ujarnya yang turut menghasilkan kuih maruku. 





ZULKIFLI SULONG

SAYA ada sembilan cucu sekarang. Cucu sulung saya perempuan, berumur sembilan tahun. Sayarang benar melihat dia senyum. Usaha saya untuk memujuk dia senyum juga sukar.

Itu dua tiga tahun lalu.

Bulan lepas, keluarga beliau pindah ke rumah baharu, rumah yang lebih dekat dengan rumah saya. Rumah yang lebih besar dan lapang.

Sekarang, baru saya lihat, cucu sulung saya ini mudah senyum. Manis pula tu. Rupanya faktor suasana rumah yang selesa dan baik penting juga dalam kehidupan ini.

Tujuan saya cerita ini bukan hal cucu saya, tetapi isu Global Ikhwan Services and Business Holding (GISBH). Cerita cucu saya ini hanya sampingan sahaja.

Berhampiran dengan kejiranan saya, kira-kira dua kilometer (km) dari rumah, terletaknya pusat aktiviti GISBH iaitu di Bandar Country Homes, Rawang.

Di pusat ini, ada pelbagai jenis kedai berjenama Ikhwan. Ada sekolah, pusat media, klinik, pusat bersalin, medan selera dan juga kafe.

Jadi bila sudah bosan makan makanan yang sama, kami akan ke medan selera yang diuruskan oleh organisasi ini.

Tempatnya cantik, kemas dan menarik. Di sebelahnya ada rumah arnab, sarang burung yang besar dan juga boleh membuat aktiviti menunggang kuda. Makanan juga banyak pilihan.

Cuma satu sahaja yang saya tidak jumpa di sini, SENYUMAN.

Apabila kami makan di sini dengan keluarga, kami tidak jumpa senyuman daripada para pekerja medan selera ini. Bila kami ke tempat bermain kuda di sebelahnya, kami juga tidak lihat senyuman di wajah petugasnya.

MENUNGGU SENYUMAN DARIPADA PEKERJA GISBH



BANDAR Country Homes dikatakan sebagai pusat ekonomi GISBH. - Gambar hiasan

"Kenapa muka mereka ketat je ye," tanya isteri saya.

Pada mulanya, saya fikir, itu mungkin ajaran atau arahan GISBH atau majikan mereka kot. Tak boleh senyum kepada pelanggan. Maklumlah mereka ini bekas pengikut Al-Arqam, ada ajaran-ajaran tertentu yang hanya mereka yang lebih tahu.

Ketika itu, saya juga tidak ambil kisah sangat. Nak senyum ke, masam ke, lantak mereka lah. Asalkan makanannya sedap dan boleh ubah rutin makanan di kawasan kami.

Namun, apabila terdedah pelbagai cerita tentang GISBH, baru saya mula terfikir, kenapa petugas mereka ini tidak senyum ye. Kenapa tidak ada senyuman di wajah mereka ye.

Saya masih ingat lagi. Ada seorang petugas wanita remaja yang agak cantik di gerai membuat jus buah-buahan di medan selera ini. Walaupun wajahnya agak cantik, tetapi baru saya perasan ada satu yang kurang padanya, tidak ada

senyuman di wajahnya.

Ketika saya pesan jus buah, dia hanya selamba sahaja melayan kita dengan wajah ketat, tiada senyuman. Padahal kita beria-ia benar memesan jus buah daripada dia.

Rupanya, mengikut pendedahan terkini, ramai dalam kalangan petugas GISBH ini tidak mendapat gaji daripada majikan mereka. Mereka hanya diberikan pelbagai kemudahan oleh majikan. Pendek kata semua keperluan mereka disediakan oleh majikan.

Ada makanan, minuman, tempat tinggal, sekolah untuk anak-anak dan sebagainya. Anak-anak pula akan ditempatkan di rumah perlindungan anak-anak yatim, padahal anak ahli mereka sendiri.

Bahkan jika perlukan isteri diberikan isteri dan suami untuk petugas wanita. Hampir kesemuanya dalam kalangan mereka sendiri. Semuanya ditanggung oleh majikan mereka.

Jika tiada gaji bermakna mereka tiada wang dalam saku mereka.

Jadi bagaimana hendak membeli dan berbelanja mengikut kehendak mereka?

Bolehkah mereka sekali-sekala keluar bercuti atau berehat di mana-mana selepas penat bekerja? Atau bolehkah sekali-sekala mereka *healing* dekat mana-mana tempat dan berjumpa kawan-kawan mereka di luar sana? Atau boleh ke sesekali pulang kampung bertemu ibu dan ayah mereka yang bukan ahli GISBH?

Saya terfikir kalau sudah tidak ada wang di saku, bagaimana mereka boleh membuat sesuatu yang menjadi kegemaran mereka. Kalau begitu, bagaimana mereka hendak senyum.

Ketika saya menulis artikel ini, saya baru sahaja membaca kenyataan Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain tentang apa yang berlaku di dalam organisasi itu.

Razarudin berkata siasatan polis mendapat ada ahli GISBH yang berpoligami dengan beristeri empat mempunyai sehingga 34 anak.

"Ada berkahwin empat dan mempunyai 34 anak tetapi ada dua anak duduk dengan dia.

"Kalau kita tanya apa nama anak pun mungkin dia tidak tahu nama, tak ingat rupa anak," katanya.

Siasatan polis katanya, mendapat operasi rumah amal dikendalikan GISBH dipromosikan sebagai rumah perlindungan anak yatim dengan niat untuk menipu bagi mendapatkan sumbangan dan derma orang ramai.

Razarudin berkata siasatan polis juga mendapat kanak-kanak di rumah-rumah amal itu didoktrinkan bahawa mereka 'anak yatim' dan tidak mengenali ibu bapa masing-masing.

"Hasil rakaman keterangan yang dibuat polis mendapat terdapat kanak-kanak terutamanya bawah 12 tahun yang tinggal di rumah kebajikan GISBH tidak mengenali ibu bapa mereka yang dalam kalangan ahli.

"Ada juga ibu bapa kanak-kanak yang kita selamatkan turut ditahan polis, mereka tidak mau mengaku mereka (kanak-kanak yang diselamatkan) itu adalah anak mereka.

"Ini kerana GISBH juga memaparkan dalam laman web (sesawang) sumbangan untuk 'anak yatim' walhal sebenarnya mereka adalah anak-anak ahli," kata Razarudin dalam sidang media beliau.

Apabila anak-anak ini membesar, mereka lah sebenarnya yang menjadi pekerja di medan selera dan lain-lain operasi perniagaan GISBH yang berada di seluruh dunia itu.

Kalau itulah keadaannya, memang wajarlah kita tidak akan melihat senyuman di wajah mereka.

INI adalah sekadar pandangan dari pengamatan penulis sahaja.

Surat layang disiasat

TIADA maaf untuk perasauh. Itu amaran Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri TPr Dr Maimunah Mohd Sharif. Tiada kompromi dan toleransi terhadap rasuah membabitkan kakitangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Untuk itu, beliau akan memastikan setiap aduan atau maklumat mengenai rasuah akan disiasat walaupun ia disampaikan melalui surat layang. Siasat tetap siasat.

Malah beliau menyifatkan surat layang ini sebagai 'pokok bergoyang' kerana ia tidak akan bergoyang jika tidak ada angin. Kerana itu siasatan terperinci perlu dijalankan. Jika aduan diterima terbukti benar, tindakan tegas akan diambil terhadap yang terlibat.

Bagi kawan-kawan Kedai Kopi hal ini menyerlahkan betapa Maimunah serius memerangi rasuah dalam kalangan

kakitangan DBKL. Tambahan sebelum ini pun terdapat kes rasuah dan pelaku telah dihadapkan ke mahkamah.

Sewajarnya hasrat murni beliau ini difahami, dihayati serta dipatuhi oleh semua warga DBKL. Sematkan ia dalam hati, laksanakan tanggungjawab sejarah slogan bersih, cekap dan amanah.

Kawan-kawan Kedai Kopi difahamkan, prosedur operasi standard (SOP) berhubung penyampaian perkhidmatan DBKL akan ditambah baik. Seboleh-bolehnya setiap ruang yang mungkin ada untuk penawaran habuan ditutup serapat-rapatnya.

Diharap semua kakitangan memberi kerjasama sepenuhnya kepada Datuk Bandar dalam mewujudkan pentadbiran berintegriti. Orang ramai dan warga kota khususnya mahu DBKL memberi perkhidmatan terbaik serta bebas rasuah.



Utamakan domestik

CUTI-CUTI Malaysia terserah sepanjang cuti Hari Keputeraan Nabi Muhammad SAW, Hari Malaysia serta cuti penggal persekolahan baru-baru ini. Rakyat Malaysia daripada pelbagai lapisan masyarakat mengambil kesempatan melancong ke beberapa tempat menarik dalam negara.

Ini satu petanda yang sangat menggalakkan dalam usaha menyemarakkan cuti dalam negara bersama keluarga. Banyak destinasi pelancongan ada di negara ini untuk dilawati. Banyak tarikan pelancongan untuk berlibur sedia menanti.

Bagi kawan-kawan Kedai Kopi, produk pelancongan di negara ini tidak kurang hebatnya berbanding negara luar. Justeru adalah lebih baik menumpukan kepada pelancongan dalam negeri.

Kawan-kawan Kedai Kopi seronok

melihat destinasi pelancongan seperti Langkawi atau Cameron Highlands, yang tetap menjadi tumpuan pelancong tempatan. Walaupun kawasan tersebut sesak kerana kebanjiran pelancong, tidak mematahkan semangat orang ramai untuk berkunjung.

Sebenarnya setiap negeri di Malaysia ada tarikan pelancongannya tersendiri. Ini termasuk di ibu negara Kuala Lumpur. Kerana itu wajar bagi orang ramai mengunjungi dan melihat produk pelancongan setiap negeri.

Tidak kurang hebat ialah Sabah dan Sarawak. Di Sarawak misalnya Kampung Budaya memberi peluang kepada pengunjung melihat replika kediaman serta memamer adat budaya penduduk etnik Sarawak. Yang gemarkan pelancongan laut seperti menyelam atau snorkeling boleh ke pulau-pulau di Sabah.

Foto: RAZIQ ZIKRY, RPO & KHIRUL NIZAM, JABATAN PENERANGAN MALAYSIA



CUKUPLAH JADI MANGSA SCAM

METRA SYAHRIL MOHAMED

DATA yang didedahkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada sidang Dewan Rakyat Julai lalu, berkenaan mangsa penipuan dalam talian atau *scam* amat membimbangkan.

Ini kerana setakat Mei tahun ini sahaja, sejumlah 37,002 panggilan mangsa penipuan direkodkan Pusat Respons Scam Kebangsaan (NSRC). Ia melibatkan kerugian sebanyak RM203.33 juta, satu jumlah yang cukup besar.

Menurut Perdana Menteri, sejak penubuhan NSRC pada Oktober 2022 sehingga Mei lalu, pusat respons itu telah pun menerima 95,094 panggilan berkaitan kes berkenaan.

Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman pula melaporkan, sepanjang tahun lalu sahaja, sebanyak 32,462 kes penipuan dalam talian dengan nilai kerugian sebanyak RM1.3 bilion dicatatkan.

Jumlah itu menunjukkan peningkatan sebanyak 37.5 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Antara kes-kes yang dicatatkan adalah jenayah e-dagang, kes pelaburan tidak wujud, jenayah telekomunikasi, jenayah e-kewangan, *love scam* serta pinjaman tidak wujud.

Di sebalik laporan demi laporan mengenai kes penipuan didedahkan, masih ada yang berterusan menjadi mangsa *scammer*.

Tak mengira usia, menyediakan apabila ada dalam kalangan yang menjadi mangsa itu adalah golongan profesional termasuk yang bekerja sebagai doktor, aktauntan dan guru.

Itu belum lagi mereka yang terjerat dengan penipuan *love scam* hanya kerana cinta palsu. Pelbagai taktik digunakan anggota



RAHMAT FITRI

sindiket termasuk menyamar sebagai wakil daripada mahkamah, polis berpangkat tinggi maupun bercakap mewakili agensi kerajaan lain.

Ia bagi menggerunkan mangsa yang kownonya diberitahu memiliki hutang atau kes di mahkamah, walhal semuanya adalah penipuan.

Bercakap mengenai isu ini, konsultan yang berpengalaman luas dalam bidang penyiasatan dan operasi kes jenayah, **Rahmat Fitri Abdullah** berkata kebanyakan mereka yang menjadi mangsa *scammer* adalah yang tidak tahu apa itu prosedur operasi standard (SOP).

Katanya, semua pihak wajib belajar ilmu bagaimana menjadi

PAPADOM kini boleh didapati di Book Capital Mall, Kota Buku. Boleh juga tebus baucar DELIMA untuk **PAPADOM**.



harga
RM19.90



SINDIKET scammer menggunakan pelbagai modus operandi.

pengguna telefon yang bijak atau celik digital.

“Semuanya berkait dengan SOP. Kita perlu belajar mengenai SOP. Mangsa yang ditipu ini pasti ada elemen yang tak ikut SOP,” katanya kepada Wilayahku.

Rahmat yang telah bersara selepas berkhidmat selama 21 tahun dalam pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) berkata sebagai contoh apabila seseorang itu hendak membuat pinjaman secara dalam talian, ia perlulah melalui institusi diiktiraf Bank Negara Malaysia (BNM) dan berlesen.

“Tetapi dia (mangsa) ini tak ikut SOP, dia nak mohon secara dalam talian, nak dengan along, secara haram, sebab itu dia kena tipu. Dan secara SOP, kalau nak buat pinjaman, mana ada perlu kita pula selaku yang nak meminjam kena buat bayaran terlebih dahulu.

“Kita terima panggilan daripada pihak polis, contohnya berkenaan kes dadah. Secara SOP, polis tak akan hubungi suspek, hubungi pula guna talian telefon bimbit dan

bukannya guna talian rasmi pejabat. Nampak tak?” soalnya.

Begitu juga katanya, dengan pelaburan ia perlu melalui BNM atau Suruhanjaya Sekuriti (SC).

“Tetapi ada yang nak cepat kaya, dia tak nak ikut SOP. Sebab itu ada orang yang bijak pandai pun kena *scam*,” katanya.

Ditanya mengapa jenayah penipuan masih berlaku, katanya, ia disebabkan negara tidak mempunyai pendekatan yang konsisten dan proses pembelajaran secara serius.

“Nak belajar cara-cara mengelak jadi mangsa *scam*, kena ada kelas. Saya lihat kerugian akibat jenayah *scammer* ini berbilion ringgit dan tak akan selesai selagi manusia menggunakan telefon bimbit,” katanya.

GUNAKAN LAMAN RASMI

DALAM pada itu, beliau melahirkan keimbangan terhadap modus operandi terkini sindiket *scammer* yang menawarkan

pelbagai hadiah termasuk bantuan kerajaan melalui pautan-pautan tertentu.

“Modus operandi tekan *link* (pautan) yang diberikan ini cukup bahaya. Mereka ini menyamar sebagai wakil syarikat telco, utiliti dan apa sahaja dengan kononnya menawarkan hadiah termasuk bantuan-bantuan kerajaan.

“Tak payah bayar bil bil percuma dengan syarat tekan *link* diberikan. Ini termasuk bantuan-bantuan kerajaan, sindiket ini akan hantar mesej-mesej kepada mangsa kalau nak dapatkan bantuan,” jelasnya.

Beliau turut berkongsi pengalaman mengendalikan kes penipuan melibatkan mangsa iaitu pasangan suami isteri yang bekerja sebagai pengutip barang kitar semula.

“Mereka ini kerugian RM40,000 wang hasil kerja. Duit ini untuk apa? Mereka menyiapkan duit ini untuk hari tua tetapi segala-galanya lesap sekelip mata. Sehingga nak datang ke balai polis pun sudah tidak ada duit, jadi saya meminta anggota untuk ke rumah mangsa bagi membuat laporan.

“Si penipu pula menyamar sebagai anggota polis dan wakil Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN). Kes ini amat menyentuh hati saya dan saya amat geram kerana ia melibatkan orang susah,” katanya.

Kini katanya, dengan adanya teknologi kecerdasan buatan (AI), pastinya jenayah *scammer* akan bertambah dahsyat.

“Esok lusa saya bercakap mengenai pelaburan, semua percaya kerana diri saya telah diwakili oleh AI. Kena beringat, segala hebatan, tak kira soal pelaburan mahupun pinjaman, semuanya mesti melalui laman rasmi.

“Tetapi AI ini bergerak di laman bukan rasmi. Budayakan dari sekarang, gunakan laman rasmi, baik laman rasmi kerajaan atau swasta untuk berhubung,” tambahnya.

PAPADOM kini boleh didapati di Book Capital Mall, Kota Buku.
Boleh juga tebus baucar DELIMA untuk **PAPADOM**.

harga
RM19.90



Tiga syarikat gergasi China bakal beroperasi

MELONJAK EKONOMI PULAU

KHAIRUL IDIN

PERTUMBUHAN ekonomi Labuan bakal melonjak dengan kedatangan pelabur asing membabitkan tiga syarikat gergasi industri berat yang berpangkalan di China.

Menurut Dekan Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL), **Profesor Madya Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal**, kedatangan pelabur asing yang merancang untuk mengembangkan pengoperasianya membuktikan bahawa pulau bebas cukai memiliki potensi besar khususnya dari segi kedudukan strategik dan pusat kewangan bertaraf antarabangsa.

Katanya dengan penawaran yang diberikan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) kemudahan sedia ada di Kompleks Halal Hub itu kepada tiga Syarikat Siemens Energy High Voltage Circuit Breaker Co Ltd yang berpangkalan di Hangzhou, Lai'an KLX Industrial Liability Co Ltd dan InnoVision Capital adalah satu cadangan yang amat baik.

"Sebelum ini, kita ketahui bangunan tersebut dibina berlandaskan pembangunan projek namun ianya tidak berjaya dan kini ia dikenali bangunan gajah putih, namun dengan keinginan tiga syarikat besar dari China yang mahu menjadikan bangunan itu sebagai kilang dan gudang industri berat mereka adalah satu perkara yang baik bukan sahaja kepada bangunan itu sendiri malahan kepada ekonomi Labuan."

"Usaha yang ditunjukkan oleh Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Labuan, Datuk Seri Liew Shan Wen



KUNJUNGAN pelabur asing ke Labuan disambut baik semua pihak.

keras untuk membawa dan mempromosi pelabur asing ke sini," katanya kepada Wilayahku.

Mengulas lanjut, Geoffrey berpendapat bahawa usaha untuk menarik lebih ramai pelabur asing ke pulau itu merupakan usaha berterusan dari pelbagai aspek yang harus dilaksanakan secara holistik termasuklah dengan kemudahan infrastruktur yang baik.

"Walau bagaimanapun, saya berpendapat agar pihak yang berkaitan bukan sahaja pihak PBT harus memastikan isu yang berbangkit termasuklah kemudahan infrastruktur seperti bekalan air dan elektrik perlu ditambah baik

agar ia dapat menyakinkan pelabur asing untuk mengembangkan pengoperasiannya," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Zon Labuan, **S Roslee Matusin** berkata pihaknya sentiasa menyambut baik dan menyokong usaha pelbagai pihak demi kesejahteraan warga di pulau itu.

Katanya, Labuan memiliki potensi yang besar untuk dimajukan lebih-lebih lagi dalam sektor perindustrian minyak dan gas selain kedudukan yang strategik dilihat sebagai satu kelebihan yang besar namun usaha bagi menarik para pelabur asing haruslah dipertingkatkan agar mereka dapat melihat kelebihan yang dimiliki.

"Ini jelas menunjukkan Labuan kini semakin dikenali oleh pelabur asing

dan kita sebagai warga pulau ini amat mengalu-alukan kedatangan mereka untuk beroperasi serta dalam masa sama mampu membuka peluang pekerjaan kepada warga di pulau ini," katanya.

Sementara itu, salah seorang wakil pelabur tersebut menyatakan keyakinan untuk merealisasikan rancangan tersebut selepas menerima taklimat daripada Perbadanan Labuan.

Katanya, pihaknya bersetuju untuk menggunakan Kompleks Halal Hub sedia ada untuk kilang dan gudang. Selain itu, satu-satunya isu yang tinggal ialah memuktamadkan insentif cukai yang boleh ditawarkan. 

yang membolehkan penerbitan, penyenaraian dan perdagangan token sekuriti patuh Syariah atau RAMZ.

Katanya, Labuan dijangka akan menjadi pemain utama dalam bidang kewangan digital global dengan tumpuan kepada aktiviti alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) selain patuh syariah.

"Aspek penting lain adalah Pelan Hala Tuju Labuan IBFC yang merangkumi hab blockchain patuh syariah pertama dunia dan pakej insentif terbaru bagi sand box kawal selia sekali gus menekankan komitmen wilayah itu terhadap inovasi dan kecemerlangan dalam sektor kewangan Islam," katanya. 



KOMPLEKS Halal Hub bakal dijadikan kilang dan gudang industri berat.

membawa ketiga-tiga pelabur itu merupakan satu usaha yang amat baik kepada ekonomi Labuan sekali gus dapat mempromosikan Labuan sebagai satu pulau yang memiliki potensi besar bagi industri minyak dan gas serta pusat kewangan antarabangsa kepada pelabur di negara lain.

"Syabas kepada Perbadanan Labuan kerana sentiasa bekerja



GEOFFREY



S ROSLEE

Fokus majukan kewangan Islam



LABUAN FSA memainkan peranan penting dalam memajukan kewangan Islam di Labuan IBFC. - Gambar hiasan

LEMBAGA Perkhidmatan Kewangan Labuan (Labuan FSA) dinobatkan sebagai Bidang Kuasa Antarabangsa Terbaik bagi Perbankan dan Kewangan Islam 2024 pada Anugerah Kewangan Islam Global (GIFA) ke-14, baru-baru ini.

Menurut Ketua Pegawai Labuan FSA, **Nik Mohamed Din Nik Musa**, kejayaan tersebut merupakan pengiktirafan terhadap peranan penting Labuan FSA dalam memajukan kewangan Islam di Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (Labuan IBFC) khususnya menerusi promosi Inisiatif Pusat Aset Digital Islam (IDAC).

"Saya melahirkan rasa bangga

terhadap pencapaian syarikat dan kakitangan kami dalam memberikan perkhidmatan terbaik.

"Kami berharap ia dapat menjadi usaha berterusan dalam memajukan kewangan Islam di peringkat global," katanya dalam satu kenyataan.

Anugerah tersebut disampaikan pada majlis makan malam di Maldives dan dihadiri oleh tokoh sektor kewangan Islam termasuk pemimpin institusi kewangan dan badan kawal selia terkemuka.

Mengulas lanjut mengenai IDAC, beliau berkata sejak ia dilancarkan pada Oktober 2022, inisiatif itu memperkenalkan platform inovatif seperti bursa digital Islam

Pelan Strategik Putrajaya Sihat Sejahtera LAHIR PEKERJA PRODUKTIF

SABRINA SABRE

MESYUARAT Jawatankuasa Kabinet Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) Bilangan 2/2024 pada Selasa meluluskan Pelan Strategik Putrajaya Sihat Sejahtera (PSS) sebagai satu daripada inisiatif di bawah ANMS.

Pelan itu bertujuan menjayakan hasrat kerajaan untuk melahirkan penjawat awam yang mempunyai status kesihatan baik supaya mereka dapat berfungsi secara produktif bagi membangunkan negara Malaysia.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, **Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi** merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kabinet ANMS berkata pelan strategik PSS menggariskan pelbagai strategi, inisiatif dan sasaran yang perlu dicapai menjelang 2030.

"Ia bermatlamat menurunkan prevalen faktor risiko kesihatan dalam kalangan penjawat awam di Putrajaya melalui pelaksanaan dasar berkaitan pembudayaan hidup sihat dan persekitaran yang menyokong kesihatan di samping meningkatkan literasi kesihatan serta amalan budaya hidup sihat di tempat kerja," ujar beliau.

PSS akan dilaksanakan bermula fasa rintis 2024 hingga 2025 dengan tinjauan untuk mendapatkan data asas akan



SEKITAR Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) Bil. 2/2024 di Putrajaya.

diadakan tahun ini, seterusnya tinjauan keberkesanan fasa rintis dilakukan pada penghujung 2025.

Dalam masa sama, Ahmad Zahid berkata antara strategi yang digunakan dalam melaksanakan PSS ialah mengukuhkan literasi kesihatan penjawat awam dan persekitaran yang menyokong kesihatan, pemantapan intervensi kesihatan pembudayaan hidup sihat dan mengukuhkan kelestarian

persekitaran yang menyokong kesejahteraan kesihatan.

"16 inisiatif akan dilaksanakan sebagai indikator pengukuran kejayaan PSS manakala kejayaan pelaksanaan inisiatif PSS akan diukur melalui kajian dan tinjauan yang akan dilaksanakan kelak.

"Ia merangkumi Tinjauan Literasi Kesihatan Malaysia 2028, Indeks Cara Hidup Sihat Malaysia 2028, Tinjauan Kebangsaan Kesihatan

dan Morbiditi 2028 dan Kajian Pasca Keberkesanan PSS 2030.

"Berkonsepkan pendekatan *whole of nation*, kejayaan PSS bergantung pada pemerkasaan penjawat awam dan komitmen rakan strategik dalam ANMS dan isu kesejahteraan kesihatan perlu dilihat merentas sektor kementerian atau agensi serta tema kesihatan perlu berada dalam semua dasar," ujarnya. 

Langkah menuju ASEAN 2025

FESTIVAL Budaya Putrajaya 2024 yang baru sahaja melabuhkan tirainya pada Ahad lalu merupakan antara persiapan penting menjelang Malaysia sebagai tuan rumah ASEAN 2025 dan Tahun Melawat Malaysia 2026.

Acara tiga hari yang berlangsung dengan penuh meriah itu dilihat berpotensi besar untuk menjadi platform utama dalam mempromosikan seni, budaya, dan warisan Malaysia kepada pengunjung tempatan serta pelancong antarabangsa.

Menurut Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Dr Zaliha Mustafa**, festival itu sebahagian daripada hasrat Perdana Menteri untuk menjadikannya acara tahunan yang menonjolkan warisan budaya negara.

"Malaysia akan mengambil alih Kepengerusian ASEAN pada 2025, memberi peluang kepada negara kita untuk terus memperkasakan dan mempromosikan seni, budaya dan warisan ke peringkat serantau dan antarabangsa.

"Ini merupakan penghormatan penting yang dapat menonjolkan peranan kita dalam memperkayakan khazanah seni, budaya di rantau ini," katanya ketika ditemui selepas acara

kemuncak Majlis Perasmian Malam Gala Warna-Warni MADANI di Putrajaya.

Beliau berkata selaras dengan prinsip Malaysia MADANI, festival ini turut membawa mesej yang lebih besar iaitu membina masyarakat yang berteraskan nilai kebersamaan, hormat-menghormati dan terangkum.

"Melalui festival ini, kita dapat memperlihatkan bagaimana seni dan budaya mampu menjadi medium penyatuan dan keharmonian sejarah dengan visi Malaysia MADANI yang inklusif dan sejahtera," ujarnya.

Berkongsi lanjut, Zaliha berkata kerajaan juga telah memperuntukkan bajet yang signifikan kepada sektor kebudayaan dan pelancongan berjumlah RM350 juta untuk meningkatkan promosi dan pembangunan pelancongan di pelbagai peringkat.

"Peruntukan ini adalah bukti komitmen kerajaan untuk memperkasa kedua-dua sektor ini, bukan sahaja melalui festival dan acara kebudayaan seperti ini tetapi juga melalui pelbagai inisiatif yang akan memperkuatkan daya saing Malaysia sebagai destinasi pelancongan utama di rantau ini dan di peringkat global," ujarnya. 



ASEAN pada 2025 memberi peluang kepada negara kita untuk terus memperkasakan dan mempromosikan seni, budaya dan warisan.

AIH galak amalan hijau

SELARAS dengan aspirasi Perbadanan Putrajaya (PPj) dalam menjadikannya bandar hijau rendah karbon, satu Anugerah Inisiatif Hijau (AIH) Putrajaya diadakan untuk meningkatkan penglibatan penduduk dan warga kerjanya dalam melaksanakan inisiatif hijau yang kreatif dan inovatif.

Menurut Presiden PPj, **Datuk TPr Fadlun Mak Ujud**, objektif utama AIH Putrajaya adalah untuk memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada institusi awam dan swasta yang telah mengamalkan inisiatif rendah karbon secara berterusan di Putrajaya.

"AIH Putrajaya merupakan salah satu inisiatif di bawah Pelan Tindakan Perubahan Iklim Putrajaya 2030 (PCAP 2030) – Tindakan S1: Transform Existing Resident's Association, Local Business and Industries into Low Carbon Communities.

"Sebanyak 22 penyertaan yang diterima daripada sekolah, institusi awam dan swasta telah layak menerima anugerah ini untuk empat inisiatif AIH Putrajaya 2024 iaitu penjimat air, pengurangan sisa pepejal dan kenderaan rendah karbon," ujarnya.

Fadlun berkata adalah menjadi harapan PPj bahawa anugerah ini dapat memberi motivasi dan dorongan kepada institusi awam atau swasta di Putrajaya untuk terus melaksanakan amalan hijau rendah karbon sebagai sebahagian daripada operasi dan pengurusan di premis.

"Perkara ini secara langsung dapat menyumbang kepada pencapaian sasaran pengurangan pelepasan karbon Putrajaya sebanyak 33 peratus menjelang tahun 2030.

"Di samping itu, ia juga dapat memberi manfaat kepada premis dalam menjimatkan kos operasi khususnya bayaran bil elektrik, air dan pengurusan sisa pepejal," ujar beliau.

Terdahulu, penganjuran anugerah ini dilaksanakan bersama rakan strategik iaitu Tenaga Nasional Berhad, Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd, Alam Flora Environmental Solutions Sdn Bhd dan Suruhanjaya Tenaga. 

Perlu yakin kebolehan diri

OKU POTENSI KE PERSADA DUNIA

SABRINA SABRE

MENTERI Belia dan Sukan, Hannah Yeoh menyeru golongan orang kurang upaya (OKU) agar tidak berasa rendah diri sebaliknya yakin dengan potensi mereka untuk menyumbang kepada negara seperti menjadi atlet para yang mewakili Malaysia di pentas antarabangsa.

Hannah berkata demikian terutamanya selepas atlet Para Sukan Malaysia (SUKMA) para juga menikmati kenaikan gaji serta caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) yang membolehkan mereka menjadikan sukan sebagai kerjaya tetap.

"Ini mesej yang nak kita sampaikan tidak kira peristiwa apa yang berlaku sekalipun, kalau anda tidak berfikir dalam *victim mindset* iaitu pasti boleh melakukan dengan berkat sokongan semua sebab platform sudah disediakan."

"Ramai ingatkan perlu umur di bawah 21 tahun sahaja tetapi sebenarnya tidak. Jangan malu sebab mungkin mereka ada bakat," ujar beliau.

Dalam pada itu, Hannah berkata pihaknya akan mengkaji semula peraturan Para SUKMA agar selaras dengan kejohanan antarabangsa seperti Sukan Para ASEAN.



HANNAH (kanan) meluangkan masa melawat persiapan atlet para renang di Pusat Akuatik Pandeleta Rinong.

"Sebagai contoh untuk penambahbaikan yang telah dilakukan untuk Para SUKMA kali ini adalah penglibatan dua negeri saja, event akan berjalan."

"Hal ini kerana untuk kategori

OKU, terdapat pelbagai klasifikasi. Jadi kalau kita tidak bagi peluang kepada seseorang itu, mungkin bakat itu yang kita perlukan untuk wakili negara."

"Kitajuga akan mempelbagaikan

lagi kejohanan dalam negara untuk mencungkil lebih banyak bakat baru," ujarnya.

Dalam masa sama, Majlis Paralimpik Malaysia (MPM) berharap temasya Para SUKMA 2024 yang

dibuka secara rasmi di Stadium Perpaduan 22 September lalu menjadi platform kelahiran bakat baharu termasuk lebih ramai atlet wanita bagi membawa cabaran negara di Sukan Paralimpik Los Angeles 2028 (LA28).

Sementara itu, Setiausaha Agung MPM, Datuk R. Subramaniam berkata pihaknya sememangnya mahu melihat lebih ramai atlet berpotensi lebih-lebih lagi dalam sukan olahraga mahupun renang memandangkan dua sukan berkenaan menawarkan pingat yang banyak dalam temasya sukan berprestij itu.

"Bayangkan dalam sukan olahraga ada 30 emas untuk acara 100 meter (m) sahaja. Di situ lah terdapatnya peluang besar dan kita seperti tidak memberi tumpuan kepada perkara ini."

"Strategi kami melangkah ke hadapan adalah untuk mendapatkan lebih kategori dan mencapai keseimbangan jantina," ujarnya.

Beliau berkata MPM juga berhasrat menyaksikan satu per tiga atlet wanita menyertai kontinjen negara pada LA28 memandangkan banyak negara lain juga sudah mula mencapai tahap penyertaan lebih kurang setara bagi kedua-dua jantina terutamanya pada Sukan Paralimpik Paris 2024. 

Tonik cipta kejayaan

ATLET angkat berat negara, Muhammad Aznil Bidin mengharapkan tuah selepas bertukar ke kategori 67 kilogram (kg) apabila berjaya memenangi pingat emas di Kejohanan Angkat Berat Komanwel di Fiji baru-baru ini.

Dia yang bertukar kategori dari 61kg pada April lepas itu berharap ia mampu dijadikan tonik buat dirinya untuk meraih pingat emas di Sukan Komanwel 2026 dan kedudukan podium di Sukan SEA Thailand 2025.


"Sebelum ini saya memang pernah sertai kategori 67kg, tetapi ini merupakan kali pertama saya beraksi untuk kategori ini di peringkat antarabangsa."

"Kalau boleh, saya juga nak dapat pingat emas di Komanwel dan pingat di Sukan SEA tahun depan dalam kategori 67kg," ujarnya.

Terdahulu, atlet berusia 30 tahun itu meraih emas di Kejohanan Angkat Berat Komanwel 2024 di Fiji bagi kategori 67kg selepas mengangkat bebanan keseluruhan berjumlah 300kg.

Lebih manis, angkatan dilakukannya itu berjaya memecahkan rekod miliknya iaitu 295kg yang dilakukan di Kejohanan kelayakan Sukan SEA pada tahun 2022.

Dalam pada itu, Aznil berkata dia gembira dengan peluang diberikan oleh barisan kejurulatihan untuk kembali bertanding dalam acara



AZNIL harap tuah dalam kategori baru.

kegemarannya itu.

Meskipun mengakui berdepan cabaran dalam menyesuaikan diri dengan kategori baharunya, namun dia optimis mampu melakukannya dengan lebih baik terutama menjelang Kejohanan Dunia di Bahrain Disember ini.

"Dari segi cabaran memang ada sebab saya kena berlatih lebih sikit. Sebab apabila naik kategori, angkatan sudah tentu lagi berat."

"Tapi saya harap di kejohanan dunia nanti mampu beraksi lebih baik dan pecah rekod kebangsaan sekali lagi," ujarnya. 

Ujian doping semasa latihan

BEKAS jaguh bina badan negara, Datuk Abdul Malek Mohamed Noor mencadangkan supaya ujian doping ke atas atlet tidak hanya dilakukan pada hari pertandingan, sebaliknya turut dibuat semasa sesi latihan.

Beliau yang lebih dikenali sebagai Malek Noor berkata ujian semasa sesi latihan atlet mampu mencegah lebih awal terutamanya atlet bina badan daripada terlibat dengan masalah doping.

"Sekiranya anda mahu menangkap atlet guna bahan terlarang, buat ujian waktu mereka menjalani latihan atau di luar musim pertandingan."

"Sebab kebanyakan atlet guna bahan terlarang waktu di luar musim pertandingan," ujar beliau.

Sebelum ini, Agensi Anti-Doping Malaysia (ADAMAS) mengesahkan atlet bina badan yang menyertai Kejohanan Bina Badan Peringkat Kebangsaan ke-53@Mr. Malaysia 2024 di Johor Bahru bulan lepas didapati positif

ujian doping.

ADAMAS memaklumkan keputusan analisis menunjukkan kehadiran bahan terlarang dalam sampel atlet termasuk metabolisme Stanozolol seperti Stanozolol-1'-N-glucuronide dan 16beta-Hydroxystanozolol.

Dalam pada itu, Malek Noor melahirkan rasa kecéwan terhadap atlet yang terbabit dengan penggunaan bahan terlarang semasa kejohanan berkenaan.

Beliau berkata meskipun penggunaan bahan terlarang seperti steroid yang sering dikaitkan dengan sukan bina badan bagi membolehkan seseorang itu mencapai impian mendapatkan bentuk badan sasa dengan pantas, risikonya cukup besar.

"Mereka ambil bahan terlarang sebab nak cepat besar otot, tetapi mereka kadang-kadang tak tahu bahan itu sebenarnya berkesan buruk kepada jantung, buah pinggang dan macam-macam lagi," ujarnya. 

PRIHATIN ISUBANJIR



DEEL ANJER

KE HIDUPAN kita sebagai manusia di muka bumi tidak terlepas daripada ujian sama ada dalam bentuk kesusahan mahupun kesenangan dan seharusnya diterima dengan reda dan syukur.

Malah setiap kejadian atau musibah seperti banjir yang melanda beberapa buah negeri ketika ini adalah ujian buat mangsa dan seluruh rakyat Malaysia.

Pelbagai bentuk bantuan dan tanda prihatin ditunjukkan masyarakat terhadap mangsa.

Selain menyumbang ke tabung banjir, masyarakat khususnya golongan selebriti seperti Datuk Alha Alfa, Rozita Che Wan dan Ezad Lazim juga memainkan peranan memberikan nasihat serta kata-kata semangat buat mereka yang terkesan. **TP**

Ujian buat semua

AKTRES popular, **Rozita Che Wan** menganggap banjir yang berlaku di beberapa negeri di utara Semenanjung Malaysia seperti Kedah, Pulau Pinang dan Perlis adalah ujian buat semua.

Menurut isteri pelakon Zain Saidin yang mesra disapa Che Ta, ujian itu bukan hanya untuk mangsa banjir, tetapi juga buat semua rakyat Malaysia.

"Apabila terjadi sesuatu musibah, Allah nak angkat darjat mereka yang menjadi mangsa banjir sekarang ini. Sebenarnya banjir ini bukan sahaja ujian buat mereka tetapi juga ujian buat kita semua."

"Kita di Kuala Lumpur ini tak ada banjir, tapi ujian buat kita sama ada prihatin atau tidak dalam membantu mereka. Kita ambil tahu atau tidak."

"Dalam membantu mereka pula, ada pelbagai cara dan ikutlah kemampuan masing-masing. Ada yang menderma, turun padang, menguar-uarkan tentang banjir ini, mendoakan segala urusan dipermudah dan sebagainya," ujarnya.

Che Ta juga menyatakan rasa kagumnya apabila berlaku bencana alam, rakyat Malaysia saling membantu dan mendoakan tanpa henti.

"Ia sebenarnya merapatkan jurang atau mengeratkan tali persaudaraan sesama kita. Baik pemerintah, badan bukan kerajaan (NGO) atau rakyat, kita saling membantu mereka yang memerlukan dengan cara masing-masing," ujarnya. **TP**

Ezad trauma bila hujan

BANJIR bukanlah perkara asing buat penyanyi **Ezad Lazim** kerana setiap kali hujan lebat menjadi trauma buatnya dan isteri, Zeana Ramli.

Menurut Ezad, dia tidak dapat melupakan apabila rumahnya di Kota Warisan, Sepang, Selangor sering terkesan dengan banjir.

"Rumah kami pun pernah banjir beberapa kali. Jadi, apabila hujan saja, risau sangat. Rasa macam trauma dan anxiety (kebimbangan yang melampaui) apabila hujan turun lebat."

"Saya masih ingat lagi, pernah satu ketika rumah dilanda banjir ketika saya sedang menyertai program realiti, All Stars Gegar Vaganza (ASGV) tahun 2023."

"Sudah tentu ia sangat mengganggu emosi dan mood saya ketika itu sehingga saya hilang fokus ketika membuat persembahan," ujarnya.

Sementara itu, Zeana turut menyarankan kepada mereka yang ingin membeli kediaman agar memilih lokasi yang bebas banjir.

Dia juga berharap pemaju dan pihak berwajib mengambil cakna akan hal ini memandangkan ia memainkan peranan penting dalam kehidupan. **TP**



Lancar misi bantuan

AHLI perniagaan dan jurusolek profesional, Datuk Abdul Al Halim Mohd Al Fadzil atau **Alha Alfa** antara selebriti yang cepat bertindak dengan melancarkan misi bantuan banjir di Alor Setar, Kedah, baru-baru ini.

Misi yang digerakkan oleh Persatuan Erat Kasih ALHA ALFA (PEKAA) dengan kerjasama Alha Alfa Cosmetics, Musollah Aisyah dan AICT ini menandakan keprihatinannya dalam apa sahaja isu yang melibatkan masyarakat.

"Saya melancarkan misi bantuan banjir di Kedah selepas kawasan tersebut dilanda banjir besar baru-baru ini."

"Pasukan PEKAA yang terdiri daripada hampir 20 orang ini bekerjasama rapat dengan jawatankuasa masjid tempatan untuk memberikan bantuan kepada komuniti yang terjejas."

"Makanan berlauk telah dimasak oleh kami sendiri dan diedarkan kepada mangsa banjir di kawasan seperti Seberang Pempung, Gunung dan Titi Gajah. Selain itu, kami turut menyumbangkan wang tunai, kit kebersihan diri, keperluan bayi serta barang penjagaan warga emas juga disediakan," ujarnya.

Katanya dalam situasi sukar untuk mendapatkan makanan, maka sebanyak 500 paket makanan kering berjaya diagihkan.

"Alhamdulillah, apa yang kami rancang berjalan lancar. Iya, turun ke lokasi banjir sudah tentu ada cabarannya, nama pun tempat banjir."

"Saya turut berterima kasih kepada aktres terkenal Datuk Paduka Umie Aida kerana sudi ke lokasi banjir bersama kami. Saya terharu dengan kesudian beliau," ujarnya. **TP**





Demi kejar trend makanan tular

ABAI ASPEK HALALAN TOYYIBAN

AZLAN ZAMBRY

PENGUNAAN media sosial secara optimum dilihat telah mempengaruhi budaya makanan dengan ketara selain mencetuskan trend di mana individu berlumba-lumba untuk menjadi yang pertama mencuba hidangan baru dan tular.

Fenomena ini telah mencetuskan kebimbangan mengenai penghakisan sensitiviti terhadap pemakanan, terutamanya dalam masyarakat Islam yang amat mementingkan status halal sesuatu sajian.

Menurut pendakwah, **Ahmad Ziyaadi Al-Hatim Mahpuz** berkata setiap generasi membawa nilai dan gaya hidup yang unik dan pada masa kini kebergantungan terhadap teknologi maklumat khususnya melalui peranti dan media sosial telah mempengaruhi urusan harian termasuklah pemilihan makanan.

“Pendedahan kepada makanan yang mengikuti trend semasa boleh mengakibatkan generasi muda Islam terpengaruh dengan cita rasa dan budaya pemakanan asing sehingga mengabaikan kepentingan prinsip halal dan haram dalam pemakanan.

“Fenomena ini amat membimbangkan apabila pada kebiasaannya, makanan yang tidak memenuhi piawaian halalan toyibban semakin diutamakan berbanding pilihan yang disahkan halal. Sikap mengambil mudah

terhadap aspek halalan toyibban ini bukan sahaja menjaskan kesejahteraan fizikal, malah membawa implikasi besar kepada pembangunan spiritual individu Muslim,” katanya.

Menurut Ahmad Ziyaadi, pengambilan makanan yang syubhab atau haram boleh merosakkan pembentukan akhlak dan jiwa serta mengundang kesan negatif dalam kehidupan sehari-hari.

“Adalah menjadi tanggungjawab setiap individu Muslim, khususnya



GOLONGAN muda terdorong untuk mencuba makanan tular bagi tujuan dokumentasi dalam media sosial. - Gambar hiasan

generasi muda untuk memastikan budaya makanan dan pemakanan mereka tidak dicemari oleh sumber yang haram, demi menjaga kesejahteraan jasmani dan rohani,” katanya.

Beliau yang juga Penolong Pengarah, Bahagian Pengurusan Halal, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) berkata terdapat beberapa faktor utama yang menyebabkan sebahagian orang Islam masa kini dilihat mengabaikan status halal makanan dan minuman demi mengejar populariti.

“Pertama, pengaruh media sosial dan budaya viral memainkan peranan besar. Platform-platform ini sering menonjolkan makanan dan minuman yang sedang popular tanpa mengambil kira status halalnya. Masyarakat, terutamanya golongan muda, lebih terdorong untuk mencuba makanan

tersebut bagi tujuan dokumentasi dalam media sosial, seperti mengambil gambar atau video untuk dikongsikan. Aktiviti ini mencipta satu bentuk tekanan sosial yang menjadikan pengguna lebih fokus kepada trend semasa berbanding kepatuhan kepada prinsip halal.

“Selain itu, masalah kurangnya literasi dan kesedaran halal juga dilihat menjadi punca. Walaupun JAKIM dan Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri dan Majlis Agama Islam Negeri-Negeri (JAIN/MAIN) telah berusaha mempergiatkan kempen kesedaran halal, masih terdapat segelintir pengguna yang kurang memahami betapa pentingnya memeriksa status halal sesuatu produk,” katanya.

Jelas beliau, kemudahan akses kepada produk makanan global juga menyumbang kepada masalah ini termasuklah lambakan produk import yang semakin mudah diperolehi melalui e-dagang dan pasaran antarabangsa, pengguna

Muslim sering terdedah kepada produk yang tidak dipersijilkan halal sama ada Halal Malaysia maupun Badan Pensijilan Halal Luar Negara (FHCB) yang diiktiraf oleh JAKIM.

“Sikap mengambil mudah terhadap halal dan haram dalam kalangan sebahagian masyarakat juga boleh dikaitkan dengan kurangnya pemahaman tentang kesan spiritual dan fizikal pengambilan makanan yang tidak sah status halalnya,” katanya.

Menurut Ahmad Ziyaadi, pendidikan agama dan peranan pemimpin masyarakat adalah sangat penting dalam memperkuuh kesedaran serta kepentingan pengambilan makanan halal, khususnya dalam kalangan umat Islam.

“Pemimpin masyarakat seperti imam, ustaz dan tokoh agama juga mempunyai tanggungjawab besar dalam memberi panduan dan kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan memilih

makanan halal,” ujar beliau.

Tambahnya, JAKIM sendiri menyediakan beberapa platform seperti Portal Halal Malaysia dan aplikasi Verify Halal yang membantu memudahkan para pengguna melakukan semakan status halal sesuatu produk.

Kewujudan trend pengendali restoran yang tidak memiliki sijil halal, namun meletakkan papan tanda ‘mesra Muslim’ bagi menarik minat orang Islam untuk membeli merupakan satu langkah yang tidak tepat dan boleh mengelirukan.

“Penggunaan signage tersebut bukan sahaja tidak memenuhi standard pengesahan halal Malaysia, malah ia juga tidak menjamin bahawa produk atau premis tersebut mematuhi piawaian halalan toyibban yang merangkumi aspek kesucian, kebersihan, kualiti dan keselamatan makanan dari perspektif syariah.

“Proses mendapatkan sijil halal melalui JAKIM mungkin dianggap rumit oleh sesetengah pihak kerana ia melibatkan pematuhan kepada prosedur yang teliti dan komprehensif. Namun, proses ini adalah penting untuk memastikan setiap langkah dalam penyediaan makanan, daripada sumber bahan mentah sehingga kepada pengendalian dan penyediaannya.

“Ini termasuk memastikan bahawa tiada sebarang pencemaran silang dengan bahan-bahan haram, penggunaan bahan mentah yang sah dari segi syariah serta mematuhi aspek kebersihan dan keselamatan makanan yang tinggi,” katanya.

“Jika status halal makanan tersebut diragui, adalah lebih baik untuk meninggalkannya demi menjaga keberkatan.

“Pengguna Muslim disarankan untuk memilih produk yang telah mendapat pengesahan halal Malaysia atau mana-mana FHCB yang diiktiraf oleh JAKIM. Dengan cara ini, kita dapat memastikan bahawa apa yang kita makan adalah bersih, suci dan selari dengan tuntutan syariat Islam,” ujar beliau.



AHMAD ZIYAADI